05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEMBANGUNAN DAN PENILAIAN SISTEM PEMILIHAN TOKOH NILAM (eSPTN) UNTUK PELAJAR DAN GURU SEKOLAH RENDAH

NOR AZAH BINTI MANSOR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SAINS (SISTEM MAKLUMAT DAN PENGURUSAN) (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI SENI KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2016

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan membangun dan menilai Sistem Pemilihan Tokoh Nilam Berasaskan Web (eSPTN) dalam aspek tanggapan kegunaan dan tanggapan kemudahgunaan. Sistem eSPTN dibangunkan untuk membantu guru memilih Tokoh Nilam mengikut syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Fungsi sistem sedia ada telah ditambahbaik untuk merekod markah Kurikulum dan Ko-Kurikulum. Pembangunan sistem adalah berasaskan Metodologi *Rapid Application Development* dengan pendekatan Berorientasi Objek yang berasaskan model prototaip. Manakala penilaian bagi aspek tanggapan kegunaan dan tanggapan kemudahgunaan adalah berasaskan *Technology Acceptance Model* 3. Pendekatan kualitatif yang berasaskan temubual semi struktur digunakan yang melibatkan empat orang guru dan seorang calon Tokoh Nilam daripada dua buah sekolah daerah Hilir Perak. Responden telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Instrumen Senarai Semak Temubual digunakan untuk mengukur aplikasi kegunaan dan kemudahgunaan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa aspek tanggapan kegunaan dan kemudahgunaan memenuhi kehendak pengguna. Responden majoritinya bersetuju sistem eSPTN memenuhi aspek kegunaan dan kemudahgunaan. Sistem eSPTN memudahkan guru dalam pemilihan calon Tokoh Nilam. Kajian ini menyumbang kepada pembangunan sistem eSPTN yang bermanfaat kepada guru dalam memilih calon berpotensi untuk Tokoh Nilam; guru boleh memilih Tokoh Nilam dengan lebih mudah dan tepat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEVELOPMENT AND EVALUATION OF *TOKOH NILAM* SELECTION SYSTEM FOR PRIMARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The aim of this study was to develop and evaluate the *Tokoh Nilam* Selection System (eSPTN) in the aspects of perceived usefulness and perceived ease of use. The eSPTN system was developed to help teachers select the *Tokoh Nilam* candidate according to the eligibility requirement set by the Ministry of Education. The existing function of system was refined to record the Curriculum and Co-Curriculum mark. The development of the system was based on the Rapid Application Development methodology together with the Object-Oriented approach which based on prototype model; whereas the evaluation of construct perceived usefulness and perceived ease of use were based on Technology Acceptance Model 3. A qualitative approach based on semi-structured interviews was used involving four teachers and a candidate for *Tokoh Nilam* from two schools in Hilir Perak district. The respondents were selected through the purposive sampling method. The instrument used was the Interview Checklist to measure the application's usefulness and ease of use. The results showed that the perceived usefulness and ease of use aspects met the user requirements. A majority of the respondent's agreed that the eSPTN system catered to perceived usefulness and perceived ease of use. The system facilitates teachers in selecting the potential candidates for *Tokoh Nilam*. This study contributes to the development of the eSPTN system that can benefit to teachers in selecting the potential candidates for *Tokoh Nilam*; teachers will be able to select the *Tokoh Nilam* much easier and precise.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN ii

PENGHARGAAN iii

ABSTRAK iv

ABSTRACT v

KANDUNGAN vi

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xvii

SENARAI LAMPIRAN xix

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pengenalan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 5

1.3 Analisis Awal Kajian 8

1.3.1 Latar Belakang Sistem Tarantula i-NILAM 11

1.3.2 Analisis Kajian Sistem Tarantula i-NILAM 14

1.4 Penyataan Masalah 18

1.5 Persoalan Kajian 20

1.6 Objektif Kajian 21

1.7 Kerangka Konseptual Kajian 21

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kepentingan 22

1.9 Metodologi Kajian 23

1.10 Batasan Kajian 24

1.11 Definisi Operasional 24

1.12 Ringkasan 27

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 28

2.2 Program Nilam Nadi Ilmu Amalan Membaca 29

2.3 Pengurusan Kurikulum 32

2.4 Technology Acceptance Model (*TAM*) 34

2.4.1 Technology Acceptance Model 2 (TAM 2) 36

2.4.2 Unified Theory of Acceptance and Use of Technology 38

2.4.3 Theory Acceptance Model (TAM 3) 40

2.4.4 Perbandingan model-model *TAM* 43

2.4.5 Implikasi *TAM 3* Terhadap Kajian yang Dijalankan 45

2.5 Interaksi Manusia-Komputer (*Human-Computer Interaction*) 45

2.5.1 *Eight Golden Rules for Design* 48

2.5.2 Implikasi *Eight Golden Rules for Design* Terhadap Kajian yang Dijalankan 51

2.6 Metodologi Pembangunan 52

2.6.1 Reka bentuk Berstuktur 52

2.6.2 Rapid Application Development (RAD) 54

2.6.3 Pembangunan *Agile* 58

2.6.4 Kriteria Pemilihan Metodologi 59

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Ringkasan 61

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan 62

3.2 Kaedah Pembangunan Sistem 62

3.2.1 Fasa Perancangan 63

3.2.2 Fasa Analisis Keperluan Pengguna 64

3.2.3 Fasa Reka bentuk Sistem 68

3.2.4 Fasa Pelaksanaan 69

3.2.5 Fasa Pengujian 70

3.3 Kaedah Penilaian Sistem 71

3.3.1 Kaedah Kualitatif 71

3.3.2 Instrumen 73

3.3.3 Analisa Data 74

3.6 Ringkasan 75

BAB 4 PEMBANGUNAN

4.1 Pengenalan 76

4.2 Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN) 77

4.3 Analisis 78

4.3.1 Keperluan Pengguna (U*ser Requirement)* 78

4.3.2 Pemilihan Teknik Analisis eSPTN 80

4.3.2.1 *Business Process Improvement* 81

4.4 Reka Bentuk 85

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4.1 Proses Reka Bentuk 85

4.4.1.1 Model Aktiviti 86

4.4.1.2 Model Data 94

4.4.2 Reka Bentuk Antara Muka 98

4.4.2.1 Laman Guru GPM 97

4.4.2.2 Laman Guru Kelas 100

4.4.2.3 Laman Pelajar 101

4.4.2.4 Aplikasi Eight golden rules for design oleh Shneiderman dalam eSPTN 102

4.5 Proses Pengujian 109

4.5.1 Pengujian Unit 110

4.5.1.1 Pengujian Kotak Hitam 109

4.5.1.2 Pengujian Kotak Putih 112

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Pengujian Komponen 114

4.5.3 Pengujian Sistem 115

4.5.4 Ujian Penerimaan Pengguna 116

4.6 Spesifikasi Perisian 117

4.7 Ringkasan 118

BAB 5 IMPLEMENTASI DAN DAPATAN KAJIAN

5.1 Pengenalan 119

5.2 Dapatan Penilaian Tanggapan Kegunaan (*Perceived Usefulness*) 120

5.2.1 Norma Subjektif (*Subjective Norm*) 121

5.2.2 Kesukarelaan (*Voluntariness*) 122

5.2.4 Pengalaman (*Experience*) 123

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.5 Perkaitan Kerja (*Job Relevance*) 123

5.2.6 Kualiti Pengeluaran (*Output Quality*) 124

5.2.7 Hasil Keputusan (*Result Demonstrability*) 124

5.2.8 Rumusan Dapatan Tanggapan Kegunaan 125

5.3 Dapatan Penilaian Tanggapan Kemudahgunaan (*PEOU*) 125

5.3.1 Keupayaan Kendiri Terhadap Komputer (*Computer Self-Efficacy*) 127

5.3.2 Persepsi Terhadap Kawalan Luar (P*erceptions of External Control)* 127

5.3.3 Kebimbangan Terhadap Komputer (*Computer Anxiety*) 128

5.3.4 Kebolehmainan Terhadap Komputer (*Computer Playfulness*) 129

5.3.5 Tanggapan Keseronokan (*Perceived Enjoyment*) 129

5.3.6 Rumusan Dapatan Tanggapan Kemudahgunaan 129

5.4 Niat Tingkahlaku (*Behavioral Intention*) 130

5.5 Niat Untuk Guna (*Use Behavior*) 130

5.6 Rumusan Dapatan Keinginan Menggunakan eSPTN 131

5.7 Rangkaian (Network) TAM 3 131

5.8 Ringkasan 132

BAB 6 PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

6.1 Pengenalan 134

6.2 Perbincangan 135

6.2.1 Pembolehubah Model Penerimaan Pengguna aspek Tanggapan Kegunaan 135

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.2 Pembolehubah Model Penerimaan Pengguna aspek Tanggapan Kemudahgunaan 136

6.2.3 Pembolehubah Model Penerimaan aspek Keinginan Menggunakan Komputer 137

6.3 Kelebihan dan kekurangan eSPTN 138

6.4 Kekangan dan Masalah Pelaksanaan Projek 141

6.5 Implikasi Dapatan Kajian 142

6.5 Cadangan Kajian Lanjutan 142

6.6 Ringkasan 143

RUJUKAN 143

LAMPIRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Penilaian Ko kurikulum	10
1.2	Kelebihan dan kelemahan antara muka Sistem Tarantula i-NILAM	18
2.1	Aspek Kegunaan dan Kemudahgunaan dalam *TAM*	43
2.2	Perbandingan Model Penerimaan Teknologi (*TAM)*	44
2.3	Ciri-ciri bagi setiap teori	47
2.4	Kriteria Pemilihan Metodologi	59
3.1	Sistem Pengurusan Sekolah	67
4.1	Keperluan Fungsian Dan Bukan Fungsian	78
4.2	Ciri-ciri Teknik Analisis	80
4.3	Aktiviti aktor dalam *use case*	87
4.4	Senarai Pengujian Kotak Hitam	111-112
5.1	Rumusan Penilaian Tanggapan Kegunaan	120
5.2	Rumusan Penilaian Tanggapan Kemudahgunaan	125

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Contoh Kiraan Pemarkahan Tahap Aktiviti Rakan Pembaca	6
1.2	Proses Pemilihan Tokoh Nilam	9
1.3	Sistem Tarantula i-NILAM	12
1.4	Paparan Laman Sistem Tarantula i-NILAM	13
1.5	Tanggapan Kegunaan (PU) Terhadap Sistem Tarantula i-NILAM	15
1.6	Tanggapan Kemudahgunaan (PEOU) Terhadap Sistem Tarantula i-NILAM	16
1.7	Sikap Terhadap Penggunaan (ATTITUDE) Sistem Tarantula i-NILAM	16
1.8	Keinginan Untuk Guna (ITU) Sistem Tarantula i-NILAM	17
1.9	Kerangka Konseptual Kajian Sistem Pemilihan Tokoh Nilam	22
2.1	Model Program Nilam	30
2.2	Pengiktirafan NILAM Sekolah Rendah	31
2.3	Pengiktirafan NILAM Sekolah Menengah	31
2.4	Model Penerimaan Teknologi	35
2.5	Model Penerimaan Teknologi 2	38
2.6	Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)	39

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7	Model Penerimaan Teknologi 3 (TAM 3)	42
2.8	Model Sistem Pemprosesan Maklumat	51
2.9	Model Waterfall	53
2.10	Pembangunan Selari	54
2.11	Pembangunan Berperingkat	55
2.12	Prototaip	56
2.13	Prototaip Pakai-buang	57
2.14	Pembangunan Agile	58
2.15	Carta Alir Prototaip	60
3.1	Analisis Keperluan Pengurusan NILAM	65
3.2	Sistem Pengurusan Sekolah (SPS)	68
4.1	Aliran proses eSPTN	76
4.2	Aliran Proses Bagi Pemilihan Pelajar	77
4.3	Pembangunan As-Is To-Be dalam Prototaip	80
4.4	Rajah Fishbone	82
4.5	Carta alir proses To-Be	83
4.6	Rajah Use Case	86
4.7	Rajah Aktiviti Guru Kelas	88
4.8	Rajah Aktiviti Guru GPM	89

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.9	Rajah Aliran Pelajar	90
4.10	Rajah Jujukan Daftar Pengguna	91
4.11	Rajah Jujukan Merekod Bacaan Pelajar	92
4.12	Rajah Jujukan Pengisian Pencapaian Kurikulum dan Kokurikulum oleh Guru Kelas	93
4.13	Rajah Class	96
4.14	Rajah aktiviti antara muka Sistem eSPTN	98
4.15	Rajah Navigasi GPM	99
4.16	Rajah Navigasi Guru Kelas	101
4.17	Rajah Navigasi Pelajar	102
4.18	Warna, tata letak, font yang standard	103
4.19	Shortcut	103
4.20	Tindakan pengunduran yang mudah	104
4.21	Aliran Proses eSPTN	105
4.22	Pilihan menu	106
4.23	Dialog untuk sebuah tindakan	106
4.24	Manual Pengguna	107
4.25	Kotak Carian	107
4.26	Kitaran hayat perisian berasaskan prototaip evolusi	108
4.27	Paparan mesej ralat	110

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Rangkaian (network) TAM3 132

6.1 Kelebihan eSPTN 138

6.2 Kekurangan eSPTN 139

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

NILAM	Nadi Ilmu Amalan Membaca
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
ICT	*Information and Communication Technology*
TAM	*Theory Acceptance Model*
NKRA	*National Key Result Area*
SPSS	*Statistical Package for the Social Sciences*
TRA	*Theory Reason Action*
TPB	*Theory Planned Behaviour*
PU	*Perceived Usefulness*
PEOU	*Perceived Ease of Use*
SN	*Subjective Norm*
V	*Voluntariness*
I	*Image*
E	*Experience*
JR	*Job Relevance*
OQ	*Output Quality*
RD	*Result Demonstrability*
PEOU	*Perceived Ease Of Use*
CSE	*Computer Self Efficacy*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PEC	*Perceptions of External Control*
CA	*Computer Anxiety*
PE	*Perceived Enjoyment*
OU	*Objective Usability*
BI	*Behavioural Intention*
ITU	*Intention to Use*
UTAUT	*Unified of Acceptance and Use of Technology*
IMK	Interaksi Manusia dan Komputer
SDLC	*System Development Life Cycle*
PKG	Pusat Kegiatan Guru
GPM	Guru Perpustakaan Media
SQL	*Structured Query Language*
PHP	*Hypertext Preprocessor*
UML	*Unified Modern Language*
eSPTN	Sistem Pemilihan Tokoh Nilam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A	Surat Permohonan Menjalankan Kajian
B	Surat Permohonan Menyemak dan Mengesahkan Instrumen Kajian
C	Soalan temu bual
D (1)	Manual Pengguna GPM
D (2)	Manual Pengguna Guru Kelas
D (3)	Manual Pengguna Pelajar
D (4)	Laporan
E	*As-Is/ To-Be Checklist*
F	Keterangan *Use Case*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENDAHULUAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1 Pengenalan

Kementerian Pelajaran memperkenalkan Program NILAM atau Nadi Ilmu Amalan Membaca pada tahun 1999 bermula dengan Tahun Satu di Sekolah Rendah dan Tingkatan Satu dan Peralihan di Sekolah Menengah. Program ini menggalakkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis. Kajian Program Penilaian Pelajar Antarabangsa (PISA) 2012 melaporkan kelemahan pelajar Malaysia adalah tidak dapat menjawab soalan yang menguji pemikiran aras tinggi (KBAT) disebabkan kurang membaca atau pembacaan terhad kepada genre tertentu. Menurut Seri Khairil Awang (2016), Kementerian Pelajaran Malaysia mensasarkan pembacaan berkualiti dari segi fiksyen, intelektual dan ilmiah iaitu aras pembacaan aras tinggi serta bahan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahan berunsur analisa. Justeru, seiring dengan perkembangan teknologi abad ke 21, pengintegrasian teknologi maklumat dalam pendidikan dapat membantu pihak sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Teknologi maklumat dalam konteks pendidikan merupakan satu rangkaian elektronik untuk mencari, mengumpul, menyimpan, memproses, menyalur dan menyampai maklumat secara efektif (Ahmad Fuad, 2003). Pembangunan dalam bidang perisian dan perkakasan komputer telah berubah secara ketara. Bermula dengan era permulaan yang terdiri daripada orientasi kumpulan, pengagihan terhad iaitu tidak semua jabatan dalam organisasi terlibat dengan penggunaan komputer dan perisian tertentu. Era kedua melibatkan beberapa pengguna menggunakan perisian pada masa yang sama untuk tujuan mengakses, mengumpul maklumat, menganalisis serta mentransformasikan data daripada pelbagai sumber, mengatur proses, dan menghasilkan output. Era ketiga berubah kepada sistem yang tidak hanya berpusat pada komputer induk sahaja tetapi turut menghasilkan proses berteknologi tinggi dengan kos yang rendah. Evolusi perisian yang terakhir bermula pada tahun 1985 iaitu wujudnya kecerdasan buatan, sistem pakar dan sebagainya (Agarwal, Tayal & Gupta, 2010).

Dalam konteks Malaysia, dasar pendidikan kebangsaan menyatakan teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) merupakan kunci utama dalam memastikan kecekapan pengurusan pendidikan serta perkhidmatan kepada pelanggan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012). Menurut Chan (2000), teknologi maklumat berperanan sebagai pemula (*initiator*), fasilitator (*facilitator*) dan pemangkin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(*enabler*). Teknologi maklumat dan komunikasi (*ICT*) atau komputer adalah alat memproses data bagi membantu guru membuat keputusan yang tepat, berkesan dan lengkap tanpa perlu merujuk kepada pengetua, guru besar dan guru kanan (Rahmad Sukor & Mohd Subhi, 2001). Hasil kajian Donaldo de Souza (2005), tentang penggunaan mikrokomputer di tempat kerja mendapati bahawa teknologi komputer adalah alat yang berguna untuk meningkatkan kualiti kerja mereka, menyelesaikan tugasan dengan lebih cepat dan meningkatkan produktiviti kerja mereka. Sehubungan itu, beberapa inovasi telah dilaksanakan dalam pengurusan pendidikan seperti pengurusan maklumat sekolah bagi meningkatkan kecekapan, menjimatkan masa, membantu dan mempermudahkan pengurusan sekolah membuat keputusan (Habib & Megat Ahmad Kamaluddin, 2008).

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

Sehubungan dengan perkara di atas, model penerimaan teknologi (*Tecnology Acceptance Model*) adalah model berasaskan niat yang dibangunkan khusus bagi menerangkan dan menjangka penerimaan pengguna terhadap teknologi. Hasil penelitian Davis, Bagozzi, dan Warshaw (1989) menunjukkan penggunaan sistem informasi dipengaruhi oleh minat (*intention*). Minat pula dipengaruhi oleh persepsi tentang kegunaan (*perceived usefulness*) teknologi dan persepsi kemudahgunaan (*perceived ease of use*) teknologi.

Chuttur (2009) menyatakan lebih daripada 700 petikan model penerimaan teknologi yang asal telah diguna dalam kajian *email, voicemail, fax, dial-up sistem, e-commerce applications, groupware, word processor, spreadsheet, presentation software, database program, case tools, hospital IS, decision support sistem, expert*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

support sistem dan *telemedicine technology*. Kebanyakan kajian ini mendapati bahawa, hasil statistik yang signifikan iaitu kegunaan suatu sistem adalah bergantung kepada niat tingkah laku seseorang. Pengalaman terhadap teknologi mempengaruhi persepsi kegunaan dan secara langsung menentukan niat untuk menggunakan dan penggunaan suatu sistem (Stoel dan Lee, 2003). Pengalaman positif melayari laman web adalah penting dalam mendapat kepercayaan pengguna (Marios dan William, 2002). Kegunaan suatu sistem mempengaruhi niat tingkah laku manakala kemudahgunaan adalah tidak penting dalam mempengaruhi niat tingkah laku:

> "...TAM's power to explain attitude and intention was limited compared with that reported by some prior studies that examined TAM in a 'nonprofessional' context...perceived ease of use was found to have no significant effect on attitude and perceived usefulness...Conceivably, physicians can assimilate a new technology quickly and become familiar with its operation without as intense training as might be necessary for other user populations. Another plausible explanation is that physicians might not want to spend time learning a new technology, even if it is very easy to use. This is especially true when the adoption and use of the technology might interfere with their traditional practice routines…."
>
> (Hu, Chau, Sheng & Tam, 1999, p. 104-105).

Hasil dapatan kajian-kajian lepas membuktikan kajian penerimaan pengguna adalah relevan. Oleh itu, pengkaji membuat penilaian penerimaan pengguna menggunakan model penerimaan teknologi (*Tecnology Acceptance Model*) untuk melihat sejauh mana teknologi baru itu memberi manfaat kepada pengguna (Portner

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan Donthu, 2006). Sahin (2006) menyatakan proses penerimaan inovasi teknologi mempunyai lima tahap iaitu tahap pengetahuan, tahap persuasi, tahap keputusan, tahap penerapan dan tahap konfirmasi. Ini bermakna penerimaan teknologi dapat didefinisikan sebagai kesediaan pengguna untuk menggunakan teknologi dan mendukung tugas yang telah dirancang.

1.2 Latar Belakang Kajian

Bidang Keberhasilan Utama Negara (*NKRA*) Pendidikan, mensasarkan penglibatan 100% murid dalam Program Nilam bagi menyokong perlaksanaan Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI). Matlamat Program Nilam ialah membina tabiat membaca yang berkekalan dalam kalangan pelajar. Objektif program ini ialah untuk menjadikan murid suka membaca dengan adanya penglibatan ibu bapa di rumah, menggalakkan sekolah terus menjana idea kreatif dan inovatif bagi menyemai tabiat membaca. Program ini adalah penting dalam menjana minat pelajar membaca dalam pelbagai jenis bahan bacaan dan bahasa sesuai dengan keperluan antarabangsa terutama Singapura dan Thailand (Utusan Malaysia, 2014).

Terdapat tiga elemen dalam Program Nilam iaitu rekod membaca, pengesahan pembacaan, ganjaran dan pengiktirafan. Bahan bacaan pelajar terdiri daripada buku fiksyen dan buku bukan fiksyen dalam Bahasa Melayu (BM), Bahasa Inggeris (BI), Bahasa Cina (BC), Bahasa Tamil (BT) dan lain-lain bahasa. Ganjaran dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengiktirafan secara tahunan dan keseluruhan akan diberikan kepada pelajar yang layak mengikut tahap. Perlaksanaan Program Nilam dibahagikan kepada dua tahap iaitu Jauhari dan Rakan Pembaca (RP). Jauhari ialah tahap membina kemahiran dan menanam minat membaca sehingga membaca menjadi satu tabiat. Manakala Rakan Pembaca (RP) pula ialah tahap membantu pencambahan penggunaan bahan dalam gerakan membaca.

Aktiviti utama pelajar dalam program ini ialah membaca buku dan mencatat maklumat pengarang, judul, bilangan muka surat, penerbit dan sinopsis atau peta minda tentang buku yang dibaca ke dalam buku rekod. Bagi membolehkan pelajar mencapai tahap rakan pembaca, ia memerlukan pelajar membaca lebih 100 buah buku dan menjalani aktiviti pembacaan seperti aktiviti bercerita, membaca bersama dan bicara buku. Pemarkahan diberi secara manual mengikut jenis aktiviti seperti di Rajah 1.1.

Aktiviti bercerita	1 sesi x 5 pendengar (min)	= 5 markah
Aktiviti bercerita	1 sesi x 100 pendengar	= 5 markah
Membaca bersama	1 sesi x 3 pembaca (min)	= 5 markah
Membaca bersama	1 sesi x 5 pembaca	= 5 markah
	1 sesi x 10 pembaca	= 5 markah
Bicara Buku	1 sesi x 5 pendengar (min)	= 5 markah
Bicara Buku	1 sesi x 10 pendengar	= 5 markah
Meminjamkan 1 buku	1 buku x 2 peminjam	= 2 markah
	1 buku x 5 peminjam	= 5 markah

Rajah 1.1. Contoh Kiraan Pemarkahan Tahap Aktiviti Rakan Pembaca

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ciri-ciri tokoh nilam ialah pelajar tahun lima dan tingkatan empat, pelajar telah membaca lebih daripada 360 buah buku bagi kategori sekolah rendah dan 288 buah buku bagi kategori sekolah menengah. Selain itu, pelajar hendaklah memperolehi 50 markah bagi tahap Rakan Pembaca serta rekod bacaan disahkan oleh panel penilai negeri (JPN/PPD/PTPB/BTPN/PKG). Kadar komposisi buku hendaklah mengikut bahasa iaitu 60% untuk Bahasa Melayu dan 40% untuk Bahasa Inggeris. Akhir sekali, calon telah dipilih oleh panel hakim peringkat negeri. Namun, bagi pemilihan tokoh nilam, aspek kurikulum dan ko kurikulum juga diambil kira selain syarat-syarat utama calon yang telah dinyatakan.

Data rekod bacaan tahap jauhari diperolehi dari buku rekod nilam manakala data bagi tahap rakan pembaca diperolehi dari kad pemarkahan rakan pembaca. Jumlah buku dikira secara kumulatif sejak Tahun Satu hingga Enam dan Tingkatan Satu hingga Lima. Data nilam dianalisis tiga kali dalam setahun iaitu pada akhir bulan Mac, Jun, September kemudian laporan perlu dihantar kepada Pusat Kegiatan Guru (PKG) daerah masing-masing.

Guru yang terlibat secara langsung dalam Program Nilam ini terdiri daripada Guru Perpustakaan Media (GPM), Guru Panitia BM dan BI serta Guru Kelas. Tugas panitia BM dan BI ialah meminta semua guru BM dan BI memastikan pelajar telah mengisi buku Program Nilam. Guru matapelajaran BM dan BI perlu menandatangani, menulis nama dan tarikh di ruangan yang disediakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Analisis Awal Kajian

Kajian awal melibatkan proses untuk penyelidik mengenal pasti proses kerja yang sedia ada dan juga masalah yang wujud dalam sesuatu organisasi. Terdapat dua bentuk kajian yang dijalankan iaitu kajian literatur dan kajian mengenai sistem sedia ada. Kajian literatur ialah kajian terhadap hasil-hasil penulisan seperti buku, jurnal, tesis pelajar yang lalu sama ada dalam bentuk bahan bercetak ataupun daripada internet. Sumber dan maklumat yang berkaitan dengan pembangunan sistem ini dikaji daripada bahan-bahan tersebut. Kajian terhadap sistem yang sedia ada pula ialah kajian yang dilakukan oleh penyelidik untuk mengenal pasti sama ada terdapat apa-apa sistem yang sedang digunakan ataupun sebaliknya. Hasil analisis ini dapat membantu peyelidik untuk memahami dengan lebih mendalam tentang sistem yang dicadangkan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hasil temu bual dengan empat orang guru dan seorang pelajar (lima orang responden) mendapati kajian Sistem Pemilihan Tokoh Nilam secara berkomputer kurang mendapat perhatian. Sistem yang ada hanyalah untuk mengira jumlah bacaan tertinggi sahaja. Selain itu, kaedah bertulis (laporan) aliran proses pemilihan tokoh nilam kurang didokumentasi. Guru yang terlibat secara langsung dalam pemilihan tokoh nilam ini adalah guru perpustakaan media (GPM). Pemilihan dilakukan secara manual bermula dari tahun satu/ tingkatan satu. Rajah 1.2 menunjukkan proses pemilihan tokoh nilam bermula dengan GPM menjalankan pemerhatian pelajar berpotensi di setiap kelas, mengumpul buku rekod nilam dan mengisi bilangan bacaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ke dalam Sistem Tarantula i-NILAM. Jumlah bacaan tertinggi boleh didapati melalui Sistem Tarantula i-NILAM yang telah disediakan. Pelajar yang mencapai nilam dan aktif dalam rakan pembaca akan disenarai pendek.



Rajah 1.2. Proses Pemilihan Tokoh Nilam

Pengumpulan data untuk pencapaian akademik pelajar bermula dengan guru kelas mengisi markah bagi matapelajaran yang diambil oleh pelajar secara atas talian melalui laman web Sistem Analisis Peperiksaan Sekolah (SAPS). Manakala pengumpulan data untuk ko kurikulum bermula dengan guru penasihat mengisi penilaian ko kurikulum pelajar secara atas talian mengikut pilihan kegiatan murid (Perisian Pilihan 10%). Kemudian mencetak penilaian dan menyerahkan kepada guru kelas. Guru kelas memindahkan markah dan gred ke dalam borang penilaian. Markah bonus diberikan sebagai pengiktirafan kepada murid di atas sumbangan perkhidmatan setiap tahun. Penilaian adalah berdasarkan dua bidang (Badan Beruniform, Persatuan-Kelab dan Sukan). Markah diperolehi dengan mencampurkan jumlah markah kedua-dua bidang ko kurikulum dan mendapatkan purata bagi kedua-dua bidang tersebut. Kemudian nilai tersebut dicampurkan dengan markah bonus yang menunjukkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

prestasi terbaik. Penasihat ko kurikulum memungut semula markah untuk di masukkan ke dalam fail peribadi murid atau sistem berkomputer.

Aspek yang dinilai dalam aktiviti ko kurikulum seseorang murid adalah berdasarkan kepada empat aspek seperti di Jadual 1.1. Melalui penggunaan borang penilaian yang standard unsur-unsur ketidakadilan dalam pemberian markah boleh dihindari. Gred penilaian dikategori seperti berikut:

i. Antara 80 – 100 Markah (A)
ii. Antara 60 – 79 Markah (B)
iii. Antara 40 – 59 Markah (C)
iv. Antara 20 – 39 Markah (D)
v. 19 ke bawah (E)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.1

Penilaian ko kurikulum

Aspek Penilaian	% Markah (10%)
Kehadiran	50
Jawatan disandang	10
Penglibatan	20
Pencapaian	20
Jumlah	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan pencapaian pelajar dinilai dalam pelbagai bentuk iaitu gred peratus, gred abjad, gred lulus-gagal, senarai semak, penjelasan bertulis dan perjumpaan ibu bapa. Rekod penilaian ini bermula daripada Tahun 1 hingga Tahun 6 (Kwai, 2010). Gred Keseluruhan dinilai pada setiap tahun sepanjang persekolahannya atau selewat-lewatnya bulan Januari tahun yang berikutnya kerana masih ada aktiviti ko kurikulum peringkat kebangsaan yang dijalankan pada bulan Disember. Keputusan penilaian akan dipersembahkan dalam bentuk prestasi tahun semasa (GPA) dan himpunan prestasi sepanjang tempoh persekolahan (CGPA).

1.3.1 Latar Belakang Sistem Tarantula i-NILAM


Sistem atas talian, Tarantula i-NILAM yang dibangunkan oleh Syarikat Bios One Sdn.Bhd dengan kelulusan Kementerian Pelajaran Malaysia boleh didapati di *http://nilam.tarantula.my/*. Tarantula i-NILAM merupakan satu sistem Sistem Automasi Program Nilam Bersepadu (i-NILAM AJAXIAN). Sistem ini berfungsi merekod bacaan pelajar, menyimpan maklumat sekolah, mengemaskini dan mencetak sijil penghargaan seperti di Rajah 1.3. Kelebihan sistem ini ialah ia boleh disepadukan dengan Sistem Maklumat Murid (SMM) dan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM) yang mana menyimpan segala maklumat peribadi murid.

Sistem Tarantula i-NILAM dikaji secara mendalam bagi mengenalpasti kelebihan dan kelemahan sistem tersebut. Maklumat ini penting untuk pembangunan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sistem Pemilihan Tokoh Nilam bagi kajian yang dijalankan. Sistem Tarantula i-NILAM ditunjukkan seperti dalam Rajah 1.4.




Rajah 1.3. Sistem Tarantula i-NILAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.4. Paparan Laman Sistem Tarantula i-NILAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.3.2 Analisis Kajian Sistem Tarantula i-NILAM

Penyelidik telah menjalankan kajian terhadap sistem sedia ada iaitu Sistem Tarantula i-NILAM dengan menggunakan teori *TAM* sebagai penentu penerimaan pengguna. Kaedah tinjauan dengan menggunakan soal selidik secara atas talian telah dijalankan. Soal selidik yang disediakan menggunakan skala *Likert* lima mata. Masa yang diambil untuk menjawab soal-selidik yang diedarkan ialah selama 15 minit. Seramai 88 orang guru perpustakaan media (GPM) telah menjawab soal-selidik yang diedarkan. Mereka terdiri daripada guru perpustakaan media di daerah Batang Padang dan Hilir Perak, Perak. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian *SPSS.*

Rajah 1.5 yang menunjukkan lebih 50 peratus pengguna bersetuju Sistem Tarantula i-NILAM dapat menyelesaikan tugas dengan lebih cepat, menjimatkan masa, meningkatkan prestasi kerja dan produktiviti. Aspek kemudahgunaan (*PEOU*) menekankan kemudahan antara muka sistem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1.5. Tanggapan Kegunaan (PU) Terhadap Sistem Tarantula i-NILAM


Dapatan Rajah 1.6 menunjukkan hanya 22.7% pengguna berasa keliru semasa menerokai eSPTN. Ini menunjukkan arahan Sistem Tarantula i-NILAM adalah mudah difahami dan jelas. Secara keseluruhannya Sistem Tarantula i-NILAM mudah digunakan. Kesimpulannya apabila guru perpustakaan media faham kegunaan fungsian dan Sistem Tarantula i-NILAM mudah digunakan, mereka lebih berkemungkinan untuk menggunakannya. Pernyataan ini disokong daripada Rajah 1.7 dan Rajah 1.8.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 1.6. Tanggapan Kemudahgunaan (PEOU) Terhadap Sistem Tarantula i-NILAM



Rajah 1.7. Sikap Terhadap Penggunaan (ATTITUDE) Sistem Tarantula i-NILAM

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.8. Keinginan Untuk Guna (ITU) Sistem Tarantula i-NILAM

Kesimpulannya, keputusan aspek kegunaan kurang memberangsangkan kerana masih lagi terdapat kekurangan dari segi fungsian Sistem Tarantula i-NILAM. Sistem Tarantula i-NILAM menyediakan fungsi merekod bilangan bacaan sahaja. Sistem yang bakal diwujudkan mempunyai fungsi tambahan dan mengekalkan fungsi sistem sedia ada. Fungsi sistem sedia ada ialah merekod bilangan bacaan manakala fungsi tambahan untuk sistem baru ialah merekod kurikulum dan kokurikulum. Jadual 1.2 ialah perincian analisis antara muka Sistem Tarantula i-NILAM berdasarkan teori *eight golden rules for design* . Hasil analisis antara muka Sistem Tarantula i-NILAM, penyelidik mengekalkan kelebihan dan memperbaiki kelemahan sistem sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1.2

Kelebihan dan kelemahan antara muka Sistem Tarantula i-NILAM

Kelebihan	Kelemahan
1. Laman utama Sistem Tarantula i-NILAM mempunyai paparan yang konsisten dari segi skema warna, huruf dan sebagainya. 2. Susunan yang teratur dan pencarian kata nama dengan mudah. 3. Terdapat statistik data bagi tahap jauhari untuk setiap negeri. 4. Manual pengguna turut disediakan.	1. Dialog untuk penutupan (*closure*) pada tahap sederhan mengakibatkan pengguna berada dalam persoalan. 2. Tidak menyediakan pilihan warna kepada pengguna mengakibatkan pengguna berasa bosan. 3. Sesetengah paparan memerlukan pengguna berfikir.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Penyataan Masalah

Berdasarkan analisis awal kajian, pemilihan tokoh nilam dilakukan secara manual iaitu dengan meneliti pencapaian pelajar dari semasa ke semasa. Guru sendiri perlu mengenalpasti pelajar berpotensi di peringkat awal iaitu pada tahun 1 hingga tahun 5. Selain itu, guru turut menyemak kad laporan ko kurikulum pelajar bagi mengetahui pelajar tersebut pernah mewakili sekolah dalam pertandingan bercerita, berpantun,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengucapan awam dan sebagainya. Proses semakan dokumen tersebut mengambil masa yang lama.

Pemilihan tokoh nilam perlu dilakukan secara teliti agar pelajar yang selayaknya terpilih di peringkat sekolah dapat menghadapi rintangan semasa pertandingan tokoh nilam di peringkat pusat kegiatan guru. Pelajar tersebut mesti memenuhi syarat-syarat pemilihan tokoh nilam yang ditetapkan. Oleh itu, guru perlu mencari pelajar yang berkualiti dan berkebolehan dari semua aspek yang akan dinilai.

Proses pertukaran guru yang kerap turut menggangu kelancaran pemilihan tokoh nilam. Guru baru perlu mengkaji fail-fail pelajar semula sebelum pemilihan bermula kerana pemilihan yang dibuat sebelum ini tidak didokumenkan. Berdasarkan kajian awal, maklumat yang ada tidak direkodkan di satu tempat bagi memudahkan ianya dicapai dan digunakan apabila diperlukan. Penilaian tokoh nilam ini dilakukan setiap tahun, jadi ia memerlukan laporan lengkap bagi proses pemantauan pelajar dari semasa ke semasa.

Hasil laporan kajian penilaian Program Nilam oleh Bahagian Teknologi Pendidikan (2004), menyatakan guru pelaksana kurang kesediaan dalam merancang dan melaksanakan Program Nilam di sekolah rendah berdasarkan min yang rendah iaitu 3.77 dan 4.22. Selain itu, hasil laporan mendapati antara sebab guru-guru tidak memberi kerjasama sepenuhnya ialah beban guru yang banyak, guru kekurangan masa, guru penyelaras sering bertukar, guru kurang faham pelaksanaan nilam dan pengisian program remeh dan membebankan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perbincangan dan temu bual penyelidik dengan penyelaras GPM di sebuah sekolah mendapati beliau amat menggalakkan pembangunan sebuah Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN) yang meliputi segala aspek pemilihan tokoh nilam. Model kajian Sistem Tarantula i-NILAM juga menunjukkan terdapat kekurangan dalam sistem dari segi fungsian. Oleh itu, pemurnian perlu dilakukan bagi menghasilkan sistem yang meliputi proses pemilihan secara menyeluruh. Maka, eSPTN dibangunkan bagi memudahkan proses pemilihan pelajar dan membantu guru dalam persediaan pelajar menjadi wakil sekolah ke pertandingan tokoh nilam.

1.5 Persoalan Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada penyataan masalah, beberapa persoalan kajian dibentuk seperti berikut:

(i) Adakah perlu Sistem Pemilihan Tokoh Nilam diautomasikan secara lengkap?

(ii) Adakah Sistem Pemilihan Tokoh Nilam memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kegunaan?

(iii) Adakah cadangan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kemudahgunaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6 Objektif Kajian

Objekti kajian yang dijalankan ialah:

(i) Mencadang model keperluan proses sistem berkomputer pemilihan tokoh nilam (eSPTN)

(ii) Membangunkan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN).

(iii) Menilai penerimaan pengguna terhadap Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dalam aspek kegunaan dan kemudahgunaan.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan objektif kajian yang dikenalpasti, kerangka konseptual kajian dibina bagi menerangkan secara konsep keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Sistem ini dibangunkan mengikut fasa pembangunan sistem agar setiap pelaksanaan berjalan dengan teratur, lancar dan bersistematik. Rajah 1.9 adalah kerangka konseptual kajian eSPTN. Penyelidik menerapkan teori *eight golden rules for design* oleh Shneiderman untuk merekabentuk eSPTN. Kemudian eSPTN ini diuji dan akhirnya dinilai dengan menggunakan Model Penerimaan Teknologi (TAM3).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.9. Kerangka Konseptual Kajian Sistem Pemilihan Tokoh Nilam

1.8 Kepentingan

Projek ini dijalankan bagi mewujudkan satu Sistem Pemilihan Tokoh Nilam yang sistematik dan praktikal seiring dengan perkembangan sains dan teknologi komputer. Kajian ini adalah penting bagi menggantikan sistem manual sedia ada di peringkat sekolah rendah dan memurnikan Sistem Tarantula i-NILAM dalam merancang dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

melaksanakan tindakan penambahbaikan. Kajian ini menyumbang kepada beberapa perkara berikut:-

(i) Penghasilan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam, yang memudahkan pihak guru semasa proses pemilihan tokoh nilam kerana aliran proses dinyatakan dengan jelas dan manual turut disertakan.

(ii) Penghasilan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam yang membantu pihak pengurusan untuk mengemaskini borang secara atas talian sekiranya terdapat perubahan pada maklumat dalam borang tersebut. Secara tidak langsung dapat mengurangkan penggunaan kertas dan fail.

(iii) Penghasilan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dapat membantu guru menjimatkan masa iaitu masa yang digunakan sepanjang mencari calon pelajar untuk tokoh nilam dapat dipendekkan.

(iv) Hasil daripada penilaian penerimaan pengguna, dapat memastikan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam berguna kepada guru-guru dalam mengurus pencalonan tokoh nilam.

1.9 Metodologi Kajian

Kajian yang dijalankan melibatkan pembangunan dan penilaian sistem. Metodologi kajian ini adalah berasaskan metodologi prototaip. Proses prototaip ini mengandungi tiga fasa yang penting iaitu memperoleh keperluan pengguna, mereka bentuk sistem berdasarkan keperluan pengguna dan menguji sistem yang telah dibangunkan. Proses

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini akan berulang sehingga sistem yang lengkap dihasilkan. Model ini bukan sahaja mengurangkan risiko dan ketidakpastian malah ia juga dapat memahami masalah pengguna dari semasa ke semasa sebelum penyelesaian dibuat. Dalam penilaian sistem, data dipungut menggunakan soalan temu bual berstruktur dan dianalisis dengan aplikasi *Atlas.ti*. Data diperolehi daripada dua orang guru perpustakaan media, dua orang guru kelas dan satu orang calon tokoh nilam yang melibatkan dua buah sekolah Daerah Hilir Perak.

1.10 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan dua bahagian utama iaitu melibatkan pembangunan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dan kajian penilaian penerimaan pengguna terhadap sistem yang dibangunkan. Dari aspek pembangunan perisian, kajian ini memfokus kepada pengguna sekolah rendah sahaja. Penyelidik hanya memfokus terhadap sekolah rendah sahaja.

1.11 Definisi Operasional

Definisi operasional dipilih daripada teori yang digunakan oleh pengkaji iaitu teori penerimaan teknologi. Definisi ini dirumuskan berdasarkan perbincangan beberapa pengkaji berkenaan teori penerimaan teknologi dan diaplikasi dalam kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanggapan Kegunaan (*PU*)

Tanggapan kegunaan (*PU*) ditakrif sebagai kebarangkalian aplikasi sistem yang digunakan akan meningkatkan prestasi pengguna dalam organisasi (Davis et al., 1989). Afari-Kumah dan Kyere Achampong (2010) mentakrif *PU* berdasarkan sejauh mana kepercayaan seseorang terhadap penggunaan komputer akan meningkatkan prestasi kerjanya.

Dalam konteks kajian ini, tanggapan kegunaan ialah persepsi pengguna akan kemudahan ataupun kesukaran apabila menggunakan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam. Persepsi pengguna dipengaruhi oleh beberapa indikator iaitu mudah untuk dipelajari, jelas operasinya, mudah difahami, sistem informasi yang fleksibel, bebas dari kesulitan, mudah diakses, mudah dikawal, adanya penilaian bahawa secara umum sistem informasi perpustakaan tersebut mudah digunakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanggapan Kemudahgunaan (*PEOU*)

Tanggapan kemudahgunaan ditakrif sebagai jangkaan pengguna terhadap aplikasi sistem sama ada memerlukan usaha yang lebih atau tidak (Davis et al., 1989). Afari-Kumah dan Kyere Achampong (2010) mentakrif *PEOU* ialah sejauh mana individu percaya bahawa belajar dengan komputer memerlukan sedikit usaha. Dalam konteks kajian ini, kemudahgunaan ialah kepercayaan pengguna menggunakan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam bebas daripada usaha. Pengguna merasakan eSPTN dapat memenuhi beberapa aspek iaitu keupayaan kendiri terhadap komputer, persepsi terhadap kawalan luar, kebimbangan terhadap komputer, kebolehmainan terhadap komputer, tanggapan keseronokan dan objektif kebolehgunaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Niat Tingkahlaku (*BI*)

Berdasarkan Afari-Kumah dan Kyere Achampong (2010), niat tingkahlaku (*BI)* ditakrif sebagai niat individu sama ada ingin menggunakan komputer pada masa akan datang ataupun tidak. Dalam konteks kajian ini, *BI* merujuk kepada kekuatan individu untuk memperlihatkan (*perform*) tingkahlaku menggunakan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam. Niat positif pengguna untuk menggunakan sistem informasi diyakini mampu menggerakkan pengguna dalam menggunakan sistem informasi perpustakaan. Keinginan menggunakan sistem informasi meliputi aspek kognitif dan afektif. Berdasarkan aspek kognitif dan afektif, pengguna bertindak atas pengetahuan dan pengalaman seterusnya melahirkan minat yang mendorong mereka untuk menggunakan sistem informasi tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Program Nilam

Dalam konteks kajian ini, Program Nilam merupakan aktiviti-aktiviti membaca yang dilakukan di dalam atau di luar sekolah dengan kerjasama semua pelajar, guru dan ibu bapa dalam melahirkan modal insan yang berilmu pengetahuan, kreatif dan inovatif serta sentiasa peka terhadap persekitaran.

Tokoh Nilam

Tokoh nilam adalah gelaran yang diberi oleh pengurusan sumber pendidikan kepada pelajar yang memenuhi kriteria pemilihan calon dan berjaya menjalani ujian lisan dan penulisan di peringkat negeri seterusnya kebangsaan. Pencalonan pelajar untuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bergelar tokoh nilam adalah berdasarkan jumlah rekod bacaan dan aktiviti rakan pembaca yang tertinggi serta pencapaian dalam kurikulum dan ko kurikulum.

Sistem Pemilihan Tokoh Nilam

Dalam konteks kajian ini, Sistem Pemilihan Tokoh Nilam merujuk kepada sistem yang berfungsi untuk merekod bahan bacaan, aktiviti rakan pembaca, markah pencapaian kurikulum dan ko kurikulum calon tokoh nilam yang terpilih.

1.12 Ringkasan

Bab ini menerangkan secara keseluruhan bagi projek pembangunan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN). Latar belakang kajian dan penyataan masalah dikaji dan dinyatakan dalam bentuk mudah difahami. Objektif dan batasan kajian ditentukan di mana ia menerangkan matlamat pembangunan projek, penyelesaian masalah yang timbul dan sempadan projek serta ciri-ciri yang perlu dibuat penilaian. Kepentingan dan metodologi kajian turut dibincangkan dalam bab ini. Pembangunan sistem ini diharapkan dapat memudahkan pengurusan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) seterusnya membantu dalam mencari calon tokoh nilam yang berkualiti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.1 Pengenalan

Bab ini menerangkan perkara utama yang perlu ada dalam pembangunan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam iaitu Program NILAM, kurikulum dan kokurikulum, teori penerimaan teknologi (TAM) yang digunakan untuk menilai penerimaan pengguna, teori eight golden rules for design diaplikasi dalam membangun antara muka eSPTN dan metodologi kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2 Program Nilam Nadi Ilmu Amalan Membaca


Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan Program Nadi Ilmu Amalan Membaca atau Program Nilam tahun 1998 di peringkat Kebangsaan. Bahagian Teknologi Pendidikan telah diamanahkan bagi melaksanakan program ini melalui rangkaiannya iaitu Pusat Sumber Pendidikan Negeri (PSPN) yang sekarang dikenali sebagai Bahagian Teknologi Negeri (BTPN) dan Pusat Kegiatan Guru (PKG). Program ini telah mula dilaksanakan dengan Tahun Satu di sekolah rendah dan Tingkatan Satu atau Peralihan di sekolah menengah dengan rasminya pada 1999. Pada tahun 2001 Rakan Pembaca mula diwujudkan di sekolah rendah dan pada tahun 2002 pula ia diwujudkan di sekolah menengah (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perlaksanaan Program Nilam ini adalah berpandukan Model Program Nilam yang diperolehi daripada Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri, Kementerian Pelajaran Malaysia. Rajah 2.1 menunjukkan langkah-langkah yang perlu dilalui oleh seorang pelajar sehingga terbina tabiat membaca. Elemen yang perlu dikawal iaitu perlaksanaan aktiviti, rekod bacaan dan penilaian iaitu pengesahan pembacaan dalam proses memperolehi ganjaran dan pengiktirafan. Kesemua aspek ini digunakan sebagai asas kepada Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN) .

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi




Rajah 2.1. Model Program Nilam. Sumber dari Bahagian Teknologi Pendidikan, 2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Pengumpulan data bagi tahap jauhari dan tahap rakan pembaca adalah sama iaitu bermula dengan pengumpulan buku rekod nilam individu, peringkat kelas dan dianalisis oleh guru. Penyelaras nilam perlu merekod dan menganalisis data di peringkat sekolah. Pengumpulan data tahap jauhari menggunakan buku rekod nilam manakala rakan pembaca pula memerlukan kad pemarkahan rakan pembaca. Rajah 2.2 dan Rajah 2.3 adalah pengiktirafan NILAM Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah bagi tahap jauhari. Anugerah Nilam Peringkat Kebangsaan merupakan pengiktirafan tertinggi KPM dalam usaha membina tabiat membaca dalam kalangan murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.2. Pengiktirafan NILAM Sekolah Rendah



Rajah 2.3. Pengiktirafan NILAM Sekolah Menengah

Pemilihan tokoh nilam kebangsaan dilakukan bersempena dengan anugerah nilam kebangsaan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2003 hasil keputusan mesyuarat Jawatankuasa Induk Gerakan Tabiat Membaca Kementerian Pelajaran Malaysia. Setiap negeri mempunyai satu program anugerah tokoh nilam peringkat negeri yang diurus setiakan oleh BTPN dengan kerjasama JPN masing-masing serta mengikut prosedur penilaian yang diiktiraf di peringkat SIRIM.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.3 Pengurusan Kurikulum

Menurut Laporan Jawatan Kuasa Kabinet 1979, dalam konteks Malaysia , kurikulum boleh didefinisikan sebagai semua perancangan pendidikan yang dilaksanakan oleh sekolah atau institusi pendidikan untuk mencapai matlamat pendidikan. Kurikulum mengandungi dua aspek seperti berikut:

1. Sukatan dan kandungan mata pelajaran dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
2. Kurikulum seperti sukan, persatuan dan unit beruniform.

Mengikut Akta Pendidikan 1996 (Akta Pendidikan, 1997); Pendidikan (Peraturan Kurikulum Kebangsaan) 1997 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979) mendefinisikan Kurikulum Kebangsaan sebagai program pendidikan yang merangkumi aktiviti kurikulum dan ko kurikulum yang mencakupi semua ilmu pengetahuan, kemahiran, norma, nilai, elemen budaya dan kepercayaan untuk membantu mengembangkan murid sepenuhnya dari aspek fizikal, rohani, mental dan emosi serta memupuk dan memperkembangkan nilai murni yang diingini serta untuk menyebarkan ilmu pengetahuan.

Kurikulum dan ko kurikulum adalah saling lengkap melengkapi bagi menghasilkan insan yang seimbang dari segi jasmani, rohani dan intelek dalam membentuk jati diri dan disiplim (Khairul Azrin, 2011). Terdapat 3 komponen penting dalam ko kurikulum iaitu unit beruniform, kelab dan persatuan, sukan dan permainan. Antara unit beruniform yang ditubuhkan di sekolah termasuk Pengakap, Pandu Puteri

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadet, Bulan Sabit Merah, St. John Ambulan, Kadet Remaja Sekolah atau Tunas Kadet Sekolah bagi sekolah rendah manakala sekolah menengah ditambah dengan Wataniah, Kadet Bomba, Kadet Polis dan Band Ranjer. Kelab dan persatuan terdapat dua jenis iaitu berasaskan akademik dan berasaskan minat/ perkhidmatan/ hobi. Kelab dan persatuan berasaskan akademik adalah seperti Persatuan Sains, Matematik, Muzik, Komputer, Bahasa bagi sekolah rendah dan tambahan persatuan geografi, sejarah, perdagangan bagi sekolah menengah. Persatuan dan kelab berasaskan minat/ perkhidmatan/ hobi adalah persatuan perpustakaan, koperasi sekolah, pencinta alam, pengguna, bagi sekolah rendah tambahan persatuan pembimbing Rakan Sebaya, Kembara dan Seni foto. Komponen terakhir ialah sukan dan permainan seperti olahraga, permainan antarabangsa dan tradisional.

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun

Kementerian Pelajaran Malaysia (1979) dalam Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran 1979 yang menyatakan bahawa setiap murid digalakkan dan diberi peluang mengambil bahagian yang aktif dalam kegiatan ko kurikulum. Penilaian ko kurikulum dibuat sepanjang tempoh murid berada di tahun 4 hingga tahun 6**.** Bagi murid yang bercita-cita melanjutkan pelajaran ke Sekolah Berasrama Penuh atau ke institusi pengajian tinggi penglibatan yang cemerlang dalam aktiviti ko kurikulum boleh dijadikan sandaran untuk mencapai cita-cita mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4 Technology Acceptance Model (*TAM*)

Model penerimaan teknologi (*TAM*) direka khusus untuk menjangka dan menerangkan penerimaan atau penolakan pengguna terhadap teknologi berasaskan komputer (Davis et al., 1989). *TAM* mengandaikan kepercayaan terhadap kegunaan dan kemudahan penggunaan adalah penentu utama penerimaan teknologi maklumat dan organisasi (David Huang & Yoo, 2010). *TAM* terhasil daripada gabungan teori tindakan beralasan (*Theory of Reason Action* "*TRA*") oleh Fishbein dan Ajzen (1975) dan teori tingkah laku terancang (*Theory of Planned Behavior* "*TPB*") oleh Icek (Ajzen, 1985). *TRA* melihat tingkah laku dan normatif ke atas penggunaan teknologi. *TRA* bermula dengan niat (*intention*), sikap-sikap terhadap tingkahlaku (*attitudes towards behavior*) dan norma-norma subjektif (*subjective norms*) pengguna dalam membentuk kepercayaan. *TPB* adalah kawalan dalaman dan luaran yang boleh mengubah persepsi dan tingkah laku pengguna menjadi positif atau negatif (*perceived behavioral control*). Umumnya, lebih baik sikap; norma subjektif; dan lebih kawalan dilihat, maka semakin kuat niat seseorang untuk melakukan tingkah laku berkenaan (Ajzen, 2006). *TAM* mempunyai lima konstruk seperti pada Rajah 2.4 iaitu tanggapan kegunaan (*PU*), tanggapan kemudahgunaan (*PEOU*), sikap untuk menggunakan (*ATU*), niat tingkahlaku (*BI*) dan kegunaan semasa. Berikut ialah penerangan lanjut tentang konsep *TAM*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.4. Model Penerimaan Teknologi

i. Persepsi Tentang Kegunaan Teknologi (*Perceived Usefulness*)

Perceived Usefulness (*PU*) didefinisikan sebagai sejauh mana seseorang percaya bahawa menggunakan suatu teknologi akan meningkatkan prestasi kerja individu. Pengguna menganggap sistem memberi cara yang efektif dalam melaksanakan tugasan. Konsep ini menggambarkan manfaat suatu sistem kepada pengguna adalah berkaitan dengan peningkatan produktiviti, prestasi kerja, keberkesanan kerja, pentingnya suatu tugas dan kegunaan keseluruhan (*overall usefullness*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ii. Persepsi Tentang Kemudahgunaan Teknologi (*Perceived Ease Of Use)*

Perceived Ease Of Use (*PEOU*) didefinisikan sebagai sejauh mana seseorang percaya suatu teknologi mudah digunakan sehingga tidak memerlukan usaha keras dan bebas dari kesulitan. Konsep ini merangkumi kejelasan tujuan penggunaan sistem informasi dan kemudahgunaan sistem untuk memenuhi keinginan pengguna (Davis et al., 1989).

iii. Sikap untuk menggunakan (*Attitude to Use*)

Davis et al. (1989), mengatakan bahawa dengan adanya manfaat yang dirasakan oleh pengguna teknologi maka ini akan meningkatkan minat mereka untuk menggunakan teknologi.

iv. Niat Tingkahlaku (*Behavioural Intention*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Davis et al., (1989), perilaku (*behaviour*) dalam konteks teknologi atau sistem maklumat adalah merujuk kepada penggunaan sebenar (*actual use*) dari aspek teknologi. Niat tingkahlaku ialah pengukuran kekuatan keinginan seseorang untuk menghasilkan tingkahlaku spesifik iaitu menggunakan sistem maklumat (Maslin & Ramlah, 2008). Kebanyakan kajian dalam bidang psikologi dan sistem maklumat telah membuktikan bahawa niat tingkahlaku adalah peramal yang kuat terhadap tingkah laku sebenar pengguna (Sun & Zhang, 2006).

2.4.1 Technology Acceptance Model 2 (TAM 2)

Model Penerimaan Teknologi (*TAM 2*) seperti pada Rajah 2.5 merupakan penambahbaikan terhadap *TAM* oleh Davis et al. (1989). Venkatesh dan Davis (2000) mencadangkan pembolehubah tambahan perlu ditambah sebagai asas kepada pembolehubah kegunaan (*PU*). *TAM 2* menghasilkan 2 proses teoritikal iaitu pengaruh sosial (*social influence*) dan peranan penting proses kognitif (*cognitive instrumental processes*). Norma subjektif dan imej merupakan penentu kepada *PU* yang mewakili pengaruh sosial. Norma subjektif ialah persepsi individu berpengaruh terhadap pengguna yang berpendapat bahawa pengguna wajar atau tidak wajar untuk melakukan tingkah laku yang diingini. Imej bermaksud darjah pengukuran di mana penggunaan satu teknologi atau inovasi dapat meningkatkan status dalam sistem sosial seseorang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Schaper dan Pervan (2009), terdapat tiga mekanisma dalam pengaruh sosial (*social influence*) iaitu *compliance, internalization* dan *identification. Compliance* mewakili tingkah laku (*behavior*) individu dalam mencapai ganjaran tertentu atau mengelak dari di denda. *Internalization* bermaksud struktur kepercayaan sendiri. *Identification* kepercayaan seseorang individu yang melakukan tingkah laku yang akan meningkatkan status sosialnya dalam kumpulan rujukannya. Pengalaman (e*xperience*) dan kesukarelaan (*voluntariness*) dikategori sebagai pengaruh sosial dan sebagai penentu ciri-ciri sistem (*sistem characteristics*). Semakin meningkat pengalaman pengguna sistem semakin kurang pengaruh norma subjektif (Venkatesh dan Bala, 2008).

Perkaitan kerja (*job relevance*), kualiti pengeluaran (*output quality*), hasil keputusan (*result demonstrability*) dan tanggapan kemudahgunaan (*PEOU*) adalah konstruk penting bagi proses kognitif *(cognitive instrumental processes)*. Perkaitan kerja ialah persepsi individu mengenai sejauh mana objektif sistem dapat diterapkan dalam pekerjaannya (Venkatesh & Davis, 2000). Hasil pengeluaran ialah tanggapan keupayaan sistem menjalankan tugas-tugas yang setanding dengan matlamat kerja. Hasil keputusan ialah ukuran di mana keputusan dapat dilihat hasil daripada penggunaan teknologi atau inovasi dan dapat disampaikan kepada orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.5. Model Penerimaan Teknologi 2 (TAM 2)

2.4.2 Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Unified of Acceptance and Use of Technology (UTAUT) bertujuan untuk menjelaskan niat dan tingkah laku pengguna untuk menggunakan sistem maklumat. Teori ini mempunyai empat konstruk utama iaitu jangkaan prestasi (*performance expectancy*), jangkaan usaha *(effort expectancy*), pengaruh sosial (*social influence*) dan pemudah keadaan (*facilitating condition*). Jangkaan prestasi ialah merujuk kepada kepercayaan individu bahawa dengan menggunakan sistem boleh membantunya mencapai keuntungan dalam kerja yang dihasilkan. Jangkaan usaha pula ialah merujuk kepada kemudahgunaan apabila menggunakan sistem. Pengaruh sosial (*social influence*) melihat kepada tanggapan individu lain tentang pentingnya menggunakan sistem baru. Konstruk terakhir ialah pemudah keadaan iaitu merujuk kepada kepercayaan individu terhadap organisasi dan kemudahan teknikal bagi menyokong penggunaan sistem (Venkatesh, Morris, Davis dan Davis, 2003).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model *UTAUT* adalah seperti pada Rajah 2.6. Ia mengandungi dua penentu iaitu jangkaan prestasi dan jangkaan usaha yang mana mempengaruhi niat secara langsung untuk mengguna teknologi. Di samping itu, terdapat tambahan dua penentu iaitu pengaruh sosial dan pemudah keadaan. Model *UTAUT* mempunyai pembolehubah yang dianggap sederhana iaitu umur, pengalaman, kesukarelaan untuk guna dan jantina (Maslin & Ramlah, 2008).



Rajah 2.6. Unified Theory of Acceptance and Use of Technology (UTAUT). Sumber dari Marchewka, Liu, & Kostiwa (2007)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.3 Theory Acceptance Model (TAM 3)

Model Penerimaan Teknologi (*TAM 3*) adalah kombinasi *TAM 2* Venkatesh dan Davis (2000) dan model penentu tanggapan kemudahgunaan oleh Venkatesh (2000). Norma Subjektif dan imej mempengaruhi tanggapan kegunaan (*PU*) melalui proses *internalization* dan *identification* yang telah dibincangkan dalam *TAM 2* (Venkatesh & Bala, 2008). Model ini mengenalpasti *PEOU* iaitu utama (*anchors)* dan pelarasan (*adjustment). Anchors* ialah kepercayaan umum terhadap komputer dan penggunaan komputer manakala *adjustment* ialah kepercayaan secara langsung berasaskan pengalaman terhadap sistem yang diuji (Chuttur, 2009). *Anchors* terdiri daripada keupayaan kendiri terhadap komputer (*computer self-efficacy*), kebimbangan terhadap komputer (*computer anxiety*), kebolehmainan terhadap komputer (*computer playfulness*) dan persepsi terhadap kawalan luar (*perceptions of external control or facilitating conditions*). *Adjustment* melihat tanggapan keseronokan (*perceived enjoyment*) dan objektif kebolehgunaan (*objective usability*). Rajah 2.7 adalah Model Penerimaan Teknologi 3.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keupayaan kendiri terhadap komputer merujuk kepada kepercayaan individu terhadap kebolehan tersendiri untuk mengawal sistem yang digunakan (Davis et al., 1989). Persepsi terhadap kawalan luar berhubung dengan kepercayaan individu menggunakan sumber organisasi dan struktur sokongan yang disediakan untuk mengendali sistem. Kebimbangan terhadap komputer pula ialah merujuk kepada kerisauan atau ketakutan individu apabila berinteraksi dengan komputer. Seterusnya,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kebolehmainan terhadap komputer mewakili motivasi intrinsik (*spontaneity*) untuk menggunakan sistem baru. Tanggapan keseronokan (*Perceived Enjoyment*) bermaksud individu menganggap apabila menggunakan sistem menjadi seronok. Objektif kebolehgunaan (*Objective Usability*) berdasarkan perbandingan sistem baru dengan keadaan sebenar (Venkatesh & Bala, 2008).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.7. Model Penerimaan Teknologi 3 (TAM 3)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.4 Perbandingan model-model *TAM*

Penentuan *TAM* yang sesuai sebagai asas penilaian kajian adalah berdasarkan objektif kajian ketiga. Objektif kajian yang ketiga ialah menilai penerimaan pengguna terhadap Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dalam aspek kegunaan, dan menilai penerimaan pengguna terhadap Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dalam aspek kemudahan penggunaan. Jadual 2.1 pula melihat perbandingan aspek kegunaan dan kemudahgunaan dalam model penerimaan teknologi. Jadual 2.2 merupakan perbandingan model penerimaan teknologi dengan melihat kepada konstruk utama dalam setiap model.

Jadual 2.1

Aspek Kegunaan dan Kemudahgunaan dalam TAM

Konstruk Utama	**Pembolehubah Kajian Kegunaan dan Kemudahgunaan dalam Model Penerimaan Teknologi**			
	TAM	***TAM2***	***UTAUT***	***TAM 3***
Kegunaan	Tiada	Ada	Tiada	Ada
Kemudahgunaan	Tiada	Tiada	Tiada	Ada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.2

Perbandingan Model Penerimaan Teknologi (TAM)

Pembolehubah Kajian Kegunaan dan Kemudahgunaan dalam Model Penerimaan Teknologi				
	TAM	***TAM2***	***UTAUT***	***TAM 3***
Konstruk Utama	**Kegunaan** **Kemudah-gunaan** Norma Subjektif	**Kegunaan:** 1. Imej 2. Perkaitan Kerja 3. Kualiti Pengeluaran 4. Hasil Keputusan **Norma Subjektif** dipengaruhi: 1.Pengalaman 2.kesukarelaan **Kemudahgunaan**	**Jangkaan Prestasi** dipengaruhi: • Jantina, Umur **Jangkaan Usaha** dipengaruhi: • Jantina, Umur, Pengalaman **Pengaruh Sosial** dipengaruhi: • Jantina, Umur, Pengalaman, Kesukarelaan untuk guna **Memudahkan Keadaan** • Umur, Pengalaman	**Kegunaan:** 1.Norma Subjektif dipengaruhi: Pengalaman dan kesukarelaan. 2.Imej 3.Perkaitan Kerja 4.Kualiti Pengeluaran 5.Hasil Keputusan **Kemudahgunaan:** <u>Utama (*Anchor*)</u> 1. Keupayaan kendiri terhadap Komputer 2. Persepsi terhadap Kawalan Luar 3. Kebimbangan terhadap Komputer 4. Kebolehmainan terhadap Komputer <u>Pelarasan (*Adjustment*)</u> 1. Tanggapan keseronokan 2. Objektif kebolehgunaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.5 Implikasi *TAM 3* Terhadap Kajian yang Dijalankan

Dengan kelebihan pada TAM 3, kajian ini dijalankan dalam membuat penilaian terhadap eSPTN. Konstruk *PU* melihat proses yang dilalui memenuhi keperluan pengguna eSPTN. Konstruk *PU* yang terlibat ialah norma subjektif, perkaitan kerja, kualiti pengeluaran dan hasil keputusan. Kualiti kerja dan kualiti sistem merupakan penentu kejayaan sebuah sistem (Blum, Khakzar & Winzerling, 2008). Konstruk *PEOU* digunakan untuk menilai antara muka sistem sama ada mudah digunakan atau pun tidak. Konstruk utama *PEOU* ialah keupayaan kendiri terhadap komputer, persepsi terhadap kawalan luar, kebimbangan terhadap komputer dan kebolehmainan terhadap komputer. Penyelidik menilai konstruk utama *PEOU* ini berdasarkan kemudahan yang disediakan dalam eSPTN. Konstruk pelarasan PEOU ialah tanggapan keseronokan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5 Interaksi Manusia-Komputer (*Human-Computer Interaction*)

Interaksi manusia-komputer (*HCI*) merupakan peraturan satu disiplin melibatkan reka bentuk, penilaian dan perlaksanaan sistem interaktif komputer untuk kegunaan manusia (Webb, 2013). Pereka bentuk perlu mengenalpasti keperluan komputer iaitu limitasi, kapasiti, alat-alat dan platform tanpa mengabaikan keperluan manusia iaitu psikologi, aspek sosial dan kemungkinan kesalahan yang berlaku (Dix, Finlay, D. Abowd, dan Beale, 2004). HCI ialah gabungan antara muka pengguna (*user interfaces*) dan manusia (*human users*). *User interfaces* diperlihat dalam bentuk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dialog, peranti input dan susun atur paparan manakala *human users* berbeza dari segi kebolehan intelektual, pengalaman komputer, pengetahuan mengenai tugasan, gaya kognitif dan kemahiran persepsi-motor. Clemmensen (2006), berpendapat bahawa jenis pendekatan HCI iaitu strategi penyelidikan, cita-cita saintifik, matlamat disiplin perlu ditekankan.

Jadual 2.3 menunjukkan perbandingan tiga set heuristik iaitu *Nielsen's ten heuristik, Shneiderman's eight golden rules* dan *Norman's seven principles*. *Shneiderman's eight golden rules* merupakan koleksi pengalaman kajian lepas. Manakala *Norman's seven principles* dibentuk daripada ciri-ciri tertentu hasil tindakan manusia. *Nielsen's ten heuristic* terhasil dari kajian emperikal iaitu berasaskan 249 masalah usabiliti menggunakan analisis faktor (Dix et al., 2004).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip-prinsip setiap heuristic mempunyai ciri-ciri yang sama dan juga berbeza. Ciri-ciri yang sama ialah konsisten dengan kekangan (*constrains*). Ciri-ciri yang berbeza untuk ketiga-tiga heuristik ialah kewujudan (*visibility*), maklum balas, ikon bertindak selari dengan fungsinya (*affordance*), Merancang dialog untuk penutupan (*closure*) dan *shortcut*. *Shneiderman's eight golden rules* menekankan aspek antara muka sistem. *Norman's seven principles* dan *Nielsen's ten heuristic* lebih menyeluruh iaitu dari aspek tugasan dan antara muka sistem.

Hasil penelitian ketiga-tiga heuristic ini, penyelidik membuat keputusan untuk memilih *Shneiderman's eight golden rules* iaitu hanya melihat dari aspek antara muka sistem bersesuaian dengan masalah yang hendak diselesaikan bagi kajian ini. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana bagi aspek tugasan penyelidik memilih model penerimaan teknologi. Model ini turut membincangkan tugasan pengguna seperti mana terkandung dalam *Norman's seven principles* dan *Nielsen's ten heuristic*.

Jadual 2.3

Ciri-ciri bagi setiap teori

Sumber: (Webb, 2013); (Dix et al., 2004); (Rogers, Sharp, & Preece, 2011); (Ben Shneiderman & Plaisant, 2010)

Prinsip-prinsip Rekabentuk	**Shneiderman's Eight Golden Rules (1987)**	**Norman's seven principles (1988)**	**Nielsen's ten Usability Heuristics (1994)**
Kewujudan (*visibility*)		√ (1)	√ (1)
Konsisten	√ (1)	√ (2)	√ (2)
Bantuan dan laporan			√ (3)
Maklum balas bermaklumat	√ (2)		
Perasaan dalam mengawal	√ (3)		√ (4)
Kekangan (Constraints)		√ (3)	
Ikon bertindak selari dengan fungsinya (*Affordance*)		√ (4)	
Merancang dialog untuk penutupan (*closure*)	√ (4)		
Shortcut	√ (5)		
Tugasan dunia maya standing dunia nyata		√ (5)	√ (5)
Membenarkan tindakan pengunduran yang mudah	√ (6)		√ (6)
Pencegahan ralat	√ (7)	√ (6)	√ (7)
Kurangkan beban ingatan jangka pendek	√ (8)	√ (7)	√ (8)
Fleksibel dan cekap untuk guna			√ (9)
Pengiktirafan berbanding penarikan balik			√ (10)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.1 eight golden rules for design

Shneiderman's eight golden rules mempunyai 8 peraturan. Pertama, berusaha untuk konsisten (*consistency*) iaitu konsisten dalam terminologi yang digunakan dalam menu dan layar bantuan. Paparan singkatan, penggunaan nama hendaklah konsisten di setiap antara muka (Guntupalli, 2008). Kedua, penggunaan *shortcut*. Penggunaan *shortcut* dapat memberikan respon dalam waktu yang singkat. Penggunaan *shortcut* seperti tombol-tombol khusus, *hidden commands* dan kemudahan makro disukai oleh pengguna (B. Shneiderman, 2004).

Ketiga, maklum balas bermaklumat (*feedback*). Penyediaan maklumbalas yang mencukupi membantu pengguna untuk terus melaksanakan tugas yang dilakukan (Faulkner, 1998). Isyarat-isyarat seperti suara dan tampilan visual harus ditampilkan untuk memberikan respon kepada pengguna.

Seterusnya merancang dialog untuk penutupan (*closure*) iaitu membuat susunan tindakan daripada mula, pertengahan dan akhir suatu kumpulan. Maklum balas bermaklumat membantu pengguna dalam menyiapkan tugasan berkumpulan dengan baik sehingga mendorong pengguna untuk melakukan tugasan seterusnya (Blum et al., 2008). Oleh itu, pengguna tidak tersasar dari matlamat asal dan dapat menjalankan tugas dengan cepat (Hoffman & Novak, 2009). Sebagai contoh dialog untuk penutupan ialah *progress bar* dimana paparan akan muncul menunjukkan proses muat turun dan memuat naik fail.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pencegahan ralat (*prevent errors*) dan ralat mudah ditangani merupakan peraturan kelima. Suatu sistem direka agar pengguna dapat meminimumkan ralat. Jika ia berlaku, sistem perlu memberi peringatan yang jelas dan sederhana. Selain itu, sistem dapat mengesan kesilapan dan jangkaan kesilapan yang akan dibuat. Sebagai contoh antara muka pengguna menggunakan menu adalah lebih baik berbanding dengan menggunakan arahan, membuat *backup*, menyimpan semua maklumat yang telah diisi oleh pengguna.

Keenam, membenarkan tindakan pengunduran yang mudah (*Permit Easy Reversal of Actions*). Tindakan yang dimaksud berupa tindakan tunggal seperti tindakan memasukkan data ke dalam pangkalan data, atau sekumpulan tindakan yang lengkap seperti memasukkan nama dan alamat. Zetie (1995) memperkenalkan tiga prinsip tindakan mudah iaitu prinsip kemaafan (*forgiveness*), prinsip pengesahan (*confirmation*) dan prinsip gagal selamat (*failsafe*). Prinsip kemaafan (*forgiveness*) memudahkan pengguna untuk kembali kepada tindakan asal menerusi pembatalan (*undo*) dan buat semula (*redo*). Prinsip pengesahan (*confirmation*) diperlukan untuk mengelakkan pengguna membuat kesilapan seperti tidak membenarkan kemasukan aksara sekiranya angka yang diperlukan. Manakala prinsip gagal selamat (*failsafe*) adalah untuk membantu pengguna membuat tindakan yang betul apabila mereka melakukan kesalahan.

Ketujuh, perasaan dalam mengawal (*Feeling in Control*). Pengguna yang berpengalaman merasakan mereka bertanggungjawab terhadap antara muka dan akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memberi maklumbalas terhadap tindakan yang dilakukan (Butz & Schmidt, 2004). Respon yang tidak jelas, urutan tindakan yang tidak jelas dalam memasukan data, kesulitan dalam memperoleh informasi serta ketidakmampuan untuk mendapatkan hasil sesuai dengan tindakan yang dilakukan akan menimbulkan kekecewaan dan keraguan bagi pengguna. Output sistem yang mudah difahami diperlukan agar pengguna berasa selesa dengan kandungan laman (Faulkner, 1998).

Akhir sekali iaitu elemen ke lapan ialah kurangkan beban ingatan jangka pendek (*Reduce Short-term Memory Load*). Interaksi Manusia dan Komputer (IMK) mengandungi tiga jenis memori iaitu memori jangka panjang, memori jangka pendek dan memori sensori. Memori jangka panjang ialah di mana memori disimpan. Memori bekerja atau jangka pendek ialah memori yang berkait dengan proses pemikiran sedar beroperasi dengan berkesan. Memori sensori ialah memori yang mengatasi permasalahannya dengan input daripada deria (Faulkner, 1998). Keterbatasan daya ingatan manusia dalam memproses informasi dan memerlukan paparan dan frekuensi pergerakan tetingkap dirancang sebaik mungkin. Manusia boleh mengingat dalam memori jangka pendek 5 hingga 30 saat pada satu masa, dengan bilangan yang lebih rendah menjadi spekulasi yang paling munasabah (Wilbert O., 2007). Rajah 2.8 adalah model sistem pemprosesan maklumat yang diasaskan oleh Atkinson dan Shiffrin dari memori jangka pendek berpindah maklumat ke memori jangka panjang melalui pelbagai aktiviti dalaman mental (D. Williams, 2000). Proses input ke output serta bagaimana sesuatu fungsi itu dilaksanakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.8. Model Sistem Pemprosesan Maklumat. Sumber dari D. Williams (2000)

Hasil perbincangan penyelidik-penyelidik kajian lepas mengenai kelebihan reka bentuk antara muka *eight golden rules* oleh Ben Shneiderman (2004) memberi panduan kepada penyelidik untuk mereka bentuk antara muka Sistem Pemilihan Tokoh Nilam dengan betul.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.5.2 Implikasi *Eight golden rules for design* Terhadap Kajian yang Dijalankan

Kajian ini menggunakan *eight golden rules for design* dalam pembangunan antara muka eSPTN. Lapan peraturan reka bentuk antara muka yang digunakan ialah berusaha untuk konsisten, penggunaan *shortcut*, maklumbalas bermaklumat, merancang dialog sebagai penutupan, tawaran pencegahan kesilapan, membenarkan pengunduran tindakan dengan mudah, sokongan lokus kawalan dalaman dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengurangkan beban ingatan jangka pendek. Peraturan-peraturan ini dibincangkan dalam Bab 4 iaitu pembangunan eSPTN.

2.6 Metodologi Pembangunan

Metodologi pembangunan sistem ialah prosedur untuk membantu pembangun membangunkan sistem maklumat yang baharu secara terancang. Objektif metodologi ini untuk merekod keperluan sistem maklumat, memberikan langkah yang sistematik agar pemantauan dapat dilakukan, melaksanakan pembangunan sistem mengikut masa dan kos yang ditetapkan dan penyediaan laporan yang lebih tersusun. Metodologi pembangunan terdiri daripada fasa perancangan, fasa analisis, fasa rekabentuk dan fasa perlaksanaan. Beberapa metodologi pembangunan sistem yang popular mengikut Dennis, Wixom dan David, (2005); Dennis, Wixom dan Roth (2012) ialah rekabentuk berstruktur, Pembangunan Aplikasi Pantas (*Rapid Aplication Development*) dan Pembangunan *Agile*. Reka bentuk ini mengamalkan pendekatan formal dari satu fasa ke satu fasa.

2.6.1 Reka bentuk Berstuktur


a) Pembangunan Air Terjun (*Waterfall*)

Pembangunan Air Terjun (*Waterfall*) menunjukkan pendekatan sistematik, berurutan untuk perkembangan perisian yang dimulai dengan spesifikasi keperluan pelanggan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan perkembangan-perkembangan melalui perencanaan, permodelan dan pembangunan (H. Kulkarni, P.Padmanabham, K.K.Baseer, 2015). Kelebihan metodologi ini ialah masa yang diambil pada fasa perancangan adalah panjang sebelum pengaturcaraan bermula. Oleh itu perubahan keperluan pengguna dapat dikurangkan. Walau bagaimanapun sekiranya perubahan berlaku, ia akan melibatkan kos dan masa yang tinggi kerana pembangun perlu mengkaji semula diperingkat permulaan (Dennis et al., 2012).



Rajah 2.9. Model Waterfall. Sumber dari Dennis et al. (2012)


b) Pembangunan Selari

Pembangunan Selari ini dibahagikan kepada beberapa subprojek selepas fasa perancangan dan analisis. Rajah 2.10 menunjukkan tiga kitaran fasa rekabentuk pembangunan selari iaitu subprojek 1, subprojek 2 dan subprojek 3. Subprojek ini melalui tiga kali proses reka bentuk pembangunan dan implementasi pengujian. Setelah kesemua subprojek lengkap, integrasi akan dilakukan dan terhasil sistem

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebenar. Kelebihan metodologi ini ialah dapat mengurangkan masa perlaksanaan sistem dan perubahan untuk kerja semula. Kelemahan metodologi ini ialah apabila terdapat masalah pada subprojek 1, ia akan memberi kesan kepada yang lain dan akhirnya memerlukan masa yang lebih untuk pengubahsuaian (Dennis et al., 2012).



Rajah 2.10. Pembangunan Selari. Sumber dari Dennis et al. (2012)

2.6.2 Rapid Application Development (RAD)

Pembangunan Aplikasi Pantas (*RAD*) ini adalah penambahbaikan daripada reka bentuk berstrukur. Perisian komputer berkuasa tinggi digunakan untuk menyokong pembangunan aplikasi seperti alat CASE dan perisian prototaip. Terdapat tiga teknik yang digunakan dalam pembangunan ini iaitu prototaip, *Joint Application*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Development (*JAD*) dan *Timeboxing*. Prototaip memerlukan pembangun membuat contoh aplikasi supaya pengguna dapat melihat dan mencubanya sebelum rekaan selesai. Teknik *Timeboxing* mencatatkan petanda (*milestone*) bahagian projek yang perlu disiapkan pada jangka waktu tertentu. *JAD* pula merupakan sesi perjumpaan dan perbincangan intensif di antara pembangun dan pengguna di bilik perbincangan atau suatu lokasi khas.

a) Pembangunan Berperingkat

Metodologi ini dipecahkan kepada pembangunan berurutan. Pembangun melalui fasa *SDLC* untuk menghasilkan sistem versi 1, 2 dan 3. Apabila sistem versi 1 selesai maka sistem versi 2 bermula. Versi 2 bermula dengan analisis, reka bentuk dan perlaksanaan. Petambahan idea baru akan menghasilkan versi selanjutnya (Dennis et al., 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.11. Pembangunan Berperingkat. Sumber: Dennis et al (2012)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Pembangunan Prototaip

Model prototaip bermula dengan perancangan, analisis, reka bentuk dan akhirnya perlaksanaan. Sistem diuji secara berulang-ulang (*iterative process*) untuk mendapat maklumbalas daripada pengguna sehingga sistem menepati matlamat atau kehendak. Berdasarkan Rajah 2.12, sistem prototaip diberikan kepada pengguna untuk dikomen bagi mengetahui sama ada ia perlu melalui proses analisis, reka bentuk dan perlaksanaan semula (Kok Han & Li Peng, 2012). Kelebihan metodologi ini ialah pengguna terlibat secara langsung dan mereka tak perlu memahami laporan spesifikasi sistem secara terperinci. Kelemahan metodologi ini ialah ia melibatkan kos yang tinggi diperingkat awal proses perisian tetapi kos akan berkurang diperingkat yang akhir (Dennis et al., 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.12. Prototaip. Sumber dari Dennis et al. (2012)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

c) Pembangunan Prototaip Pakai-buang

Reka bentuk prototaip pakai-buang sistem terdiri daripada fasa perancangan, analisis, rekabentuk dan perlaksanaan. Sistem diuji dan nilai berulang kali sehingga memenuhi keperluan. Prototaip yang dihasilkan pada mulanya adalah untuk demonstrasi iaitu menerbitkan keperluan tambahan dan akhirnya tidak digunakan (*discard*). Sistem kemudian diterima sebagai komponen sistem dalam proses pembangunan lain. Prototaip pakai-buang tidak dianggap sebagai sistem akhir kerana ia tidak mengikut piawaian pembangunan perisian, tiada spesifikasi bagi penyelenggaraan jangka panjang dan sistem distruktur secara tidak sempurna dan sukar untuk diselenggara. Metodologi ini lebih sesuai dengan pembangunan sistem bersaiz besar. Perbezaannya ialah analisis dilakukan pada bahagian yang bermasalah sahaja (Noushin & Hessam, 2009). Kelebihannya ialah dapat mengurangkan risiko keperluan (Dennis et al., 2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2.13. Prototaip Pakai-buang. Sumber dari Dennis et al. (2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.3 Pembangunan *Agile*

Pembangunan Agile merupakan metodologi yang lebih cepat dalam perkembangan sistem maklumat. Dalam proses Pembangunan *Agile* permodelan dan dokumentasi dikurangkan. Contoh pembangunan agile ialah *Extreme Programming* (*XP*).

a) *Extreme Programming* (*XP*)

Extreme Programming (*XP*) mengandungi empat teras iaitu komunikasi (*Communication*), kesederhanaan (*Simplicity*), maklumbalas (*Feedback*) dan keberanian (*Courage*). Empat teras ini adalah asas kepada pembangun untuk menghasilkan suatu sistem maklumat. Pertama, pembangun mesti menyediakan maklumbalas pantas kepada pengguna akhir secara berterusan. Kedua, pembangun mesti menggunakan prinsip *Keep It Simple, Stupid* (*KISS*). Ketiga, pembangun mesti membuat perubahan tambahan dan bersedia untuk berubah. Keempat, pembangun mesti mempunyai mental yang berkualiti. (Dennis et al., 2012).



Rajah 2.14. Pembangunan Agile. Sumber dari Dennis et al. (2012)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6.4 Kriteria Pemilihan Metodologi

Penentuan model yang sesuai sebagai metodologi kajian bergantung kepada kajian sistem maklumat yang dibangunkan. Kajian sistem maklumat melihat keperluan pengguna dengan jelas, kebiasaan dengan teknologi, kekompleksan sistem, kebolehharapan sistem, jadual dan kebolehlihatan jadual. Jadual 1 merupakan kriteria pemilihan metodologi (Dennis et al., 2005).

Jadual 2.4

Kriteria Pemilihan Metodologi

Sumber: (Dennis et al., 2005; Kendall & Kendall, 2014)

Kebolehan untuk membangunkan sistem	**Metodologi Struktur**		**Metodologi Pembangunan Aplikasi Pantas**		**Pembangunan Agile**	
	Air Terjun	**Selari**	**Berperingkat**	**Prototaip**	**Prototaip Pakai-buang**	**Extreme Programming**
Dengan keperluan pengguna tak jelas	Lemah	Lemah	Bagus	Cemerlang	Cemerlang	Cemerlang
Dengan teknologi yang tak biasa	Lemah	Lemah	Bagus	Lemah	Cemerlang	Lemah
Ia adalah kompleks	Bagus	Bagus	Bagus	Lemah	Cemerlang	Lemah
Ia dipercayai	Bagus	Bagus	Bagus	Lemah	Cemerlang	Bagus
Dengan jadual masa yang singkat	Lemah	Bagus	Cemerlang	Cemerlang	Bagus	Cemerlang
Dengan kebolehlihatan jadual	Lemah	Lemah	Cemerlang	Cemerlang	Bagus	Bagus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada perbandingan dan kajian yang dilakukan, metodologi pembangunan *Rapid Application Development (RAD)* dengan kaedah prototaip adalah paling sesuai dalam pembangunan eSPTN. Penyelidik boleh memulakan proses pembangunan sistem walaupun hanya mengetahui serba sedikit sahaja tentang keperluan sistem. Dengan itu proses pembangunan sistem boleh dimulakan pada peringkat awal lagi. Kelebihan pembangunan prototaip ini meningkatkan kebolehgunaan sistem, serta meningkatkan komunikasi antara pembangun sistem dengan pengguna. Selain itu ia dapat menjimatkan kos pembangunan kerana pengguna terlibat dalam versi prototaip yang dibina. Oleh itu, ralat dapat dikesan diperingkat awal. Rajah 2.15 merupakan carta alir prototaip.



Rajah 2.15. Carta Alir Prototaip

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.7 Ringkasan

Bab ini mengandungi sorotan kajian yang relevan bagi pembangunan projek Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN). Kajian literatur membincangkan pengenalan Program Nilam, pengurusan kurikulum, interaksi manusia-komputer, reka bentuk antara muka eSPTN, model penerimaan teknologi dan metodologi secara umum dan spesifik. Setiap kajian yang dilakukan juga dinyatakan dalam bentuk jadual dan gambarajah supaya lebih mudah difahami. Bab seterusnya akan menjelaskan secara terperinci tentang metodologi kajian ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bab ini membincangkan metodologi yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Metodologi kajian merangkumi pembangunan dan penilaian terhadap eSPTN turut dibincangkan.

3.2 Kaedah Pembangunan Sistem

Kaedah pembangunan sistem yang dipilih dalam Sistem Pemilihan Tokoh Nilam ialah kaedah yang berasaskan model prototaip (*Rapid Application Development*). Kaedah ini dipilih berdasarkan justifikasi yang telah dibincangkan dalam bab 2. Model prototaip bermula dengan melaksanakan fasa analisis, fasa reka bentuk dan fasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlaksanaan. Setelah prototaip siap, pemurnian dibuat sehingga sistem diterima sebagai sistem yang baru. Kelebihan menggunakan model ini ialah pengguna terlebih dahulu berinteraksi dengan sistem sebelum ia digunakan dalam organisasi. Selain itu, sistem dapat dilaksanakan dalam jangka masa pendek.

3.2.1 Fasa Perancangan

Sebelum sesuatu projek bermula, perancangan projek perlu dilakukan bagi memastikan projek berjalan dengan lancar. Penjadualan kerja hendaklah dirancang setelah metodologi, perkakasan dan perisian untuk pembangunan sistem telah dikenalpasti. Penjadualan kerja penting untuk memastikan segala kerja yang dilakukan siap mengikut masa yang telah ditentukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penyelidik menggunakan *gantt chart* dalam penjadualan projek. Dalam fasa perancangan awal, penyelidik telah mengkaji empat perkara iaitu kajian teknikal, kajian ekonomi, kajian organisasi dan kajian operasi. Kajian teknikal dijalankan untuk mengenalpasti komponen perkakasan, perisian dan rangkaian. Kajian ekonomi adalah untuk melihat hasil yang akan diperolehi berbanding dengan kos dilaburkan. Kajian organisasi pula melihat faedah yang diperolehi daripada sistem baharu, sama ada ia dapat memberi kelebihan untuk bersaing dengan organisasi lain. Manakala kajian operasi bertujuan memperolehi maklum balas penerimaan pengguna terhadap sistem baharu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Fasa Analisis Keperluan Pengguna

Fasa Analisis dijalankan untuk memahami keperluan pengurusan nilam seperti di Rajah 3.1 dan membangunkan satu model logikal bagi sistem yang akan dibangunkan. Dalam fasa ini, keperluan pengguna dikenalpasti. Sesi temu bual dengan pegawai Pusat Kegiatan Guru (PKG) Tapah telah dijalankan bagi mengetahui syarat-syarat pemilihan tokoh nilam. Temu bual dengan guru perpustakaan media (GPM) turut dilakukan di dua buah sekolah kebangsaan di daerah Teluk Intan. Teknik temu bual yang digunakan ialah temu bual berstruktur. Antara langkah penting yang telah dijalankan dalam fasa ini ialah:


a) Membangunkan satu model keperluan proses eSPTN yang mana setiap proses mempunyai huraian dan penjelasan.

Rajah 4.26. Kitaran hayat perisian berasaskan prototaip evolusi. Diadaptasi dari Dix et al., 2004

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1 Pengujian Unit

Pengujian dilakukan terhadap perisian terkecil yang dinamakan modul yang mana ia terdiri daripada satu fungsi atau prosedur. Pengujian ini merupakan proses pengujian unit-unit dalam sistem yang dibangunkan. Biasanya pengujian unit lebih tertumpu kepada keberkesanan proses pengaturcaraan bagi memastikan unit-unit yang membina sistem mampu menjalankan fungsinya dengan betul. Pengujian ini termasuk pengujian dari aspek pengendalian ralat, antara muka, struktur data dan laluan logik. Dari segi pengujian kemasukan data daripada pengguna, data yang dimasukkan akan disemak dan ralat dikesan. Sekiranya data gagal dikesan pada pangkalan data dan proses seterusnya tidak akan dilaksanakan. Pengujian antara muka pula akan menyemak parameter yang masuk dan keluar dari unit atau modul yang diuji untuk memastikan adanya kawalan kemasukan data. Pengujian struktur data pula memastikan data yang disimpan dapat mengekalkan integrasi semasa perlaksaan. Pengujian logik dilakukan untuk memastikan setiap pernyataan diuji sekurang-kurangnya sekali. Pengujian unit biasanya dilakukan dengan menggunakan kaedah pengujian kotak hitam dan pengujian kotak putih.

4.5.1.1 Pengujian kotak hitam (*Black Box Testing)*

Pengujian kotak hitam merupakan pengujian kefungsian sistem yang mana ianya melibatkan pengujian luaran sahaja iaitu satu pendekatan yang memfokuskan kepada apa yang dijangkakan. Dalam pengujian ini, *output* yang dihasilkan mestilah menepati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

apa yang dikehendaki oleh pengguna. Pengujian ini merupakan satu strategi yang menganggap sistem sebagai sebuah kotak yang mana kandungannya tidak perlu dikesan. Sistem akan menjana output yang tepat jika input, atur cara, struktur dan antara muka sistem bebas daripada ralat. Antara aktiviti pengujian kotak hitam yang dilakukan diringkaskan adalah seperti berikut :

a. Pengujian sekuriti : Pengujian terhadap data input untuk menguji sama ada data yang dimasukkan sah atau pun tidak. Ianya adalah bertujuan untuk faktor keselamatan data. Contoh untuk log masuk pengguna. Setiap pengguna mempunyai id dan kata laluan yang unik dan tersendiri. Ini kerana data pengguna adalah sulit dan hanya boleh dicapai oleh pihak tertentu sahaja. Kesalahan memasukkan id dan kata laluan akan memaparkan mesej ralat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.27.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.27. Paparan mesej ralat

b. Pengujian input data : Pengujian ini lebih kepada pengujian yang membantu dalam modul pengurusan. Setiap input data perekodan disemak bagi menentukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sama ada pengguna telah mengisi semua data yang dikehendaki dan tidak berlaku pertindihan data dengan data yang telah sedia ada dalam pangkalan data.

c. Pengujian maklumat: Pengujian ini adalah bagi memastikan data yang dipaparkan adalah betul berdasarkan permintaan pelanggan.

Jadual 4.4

Senarai Pengujian Kotak Hitam (bersambung)

Modul	Pengujian	Jangkaan Hasil	Kesimpulan
Daftar Bacaan	Mendaftar bacaan	Bacaan baru telah dimasukkan ke dalam pengkalan data dan ditunjukkan dalam senarai bacaan	[√] diterima [ ] ditolak
Daftar Pengguna Penting	Mendaftar guru kelas dan pelajar.	Apabila setiap pengguna tersebut log masuk, mereka dapat masuk ke laman sendiri	[√] diterima [ ] ditolak
Menambah Kelas	Menambah kelas baru	Kelas baru dapat dimasukkan dan dapat dilihat dalam senarai	[√] diterima [ ] ditolak
Mengubah Gred	Mengubah gred yang sedia ada	Gred dapat diubah dan dipaparkan pada senarai gred	[√] diterima [ ] ditolak
Mengubah Jenis Bacaan	Klik butang *Edit* untuk mengubah maklumat	Bacaan dapat diubah maklumatnya dan dapat dilihat dalam senarai bacaan	[√] diterima [ ] ditolak
	Klik butang *Delete* untuk membuang	Bacaan berjaya dibuang	[√] diterima [ ] ditolak
Menambah Guru Kelas	Menambah Guru Penasihat dengan mengisi butiran dan memilih	Butiran dan gambar guru dan pelajar dapat dilihat apabila diminta untuk dipaparkan	[√] diterima [ ] ditolak
Mengubah Maklumat Pelajar	Masukkan nama atau nombor kad pengenalan pelajar	Nama pelajar akan dipaparkan untuk dipilih dan dilihat maklumatnya.	[√] diterima [ ] ditolak
	Mengubah jawatan pelajar	Jawatan pelajar yang baru dapat dilihat pada	[√] diterima [ ] ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.4, *sambungan*

		maklumat pelajar.	
Menerima cadangan markah bonus ko kurikulum pelajar	Klik butang terima	Data dikemaskini dan markah pelajar bertambah.	[√] diterima [ ] ditolak
	Klik butang batal	Tiada perubahan pada markah pelajar.	[√] diterima [ ] ditolak
Menukar Kata Laluan	Menukar kata laluan yang lama dengan yang baru	Pengguna boleh masuk ke laman sendiri menggunakan kata laluan yang baru.	[√] diterima [ ] ditolak
Memasukkan Markah Kurikulum	Mengisi markah subjek	Pada bahagian penambahan subjek kelihatan pilihan subjek dan paparan markah dapat dilihat.	[√] diterima [ ] ditolak
Memasukkan Markah ko kurikulum	Mengisi markah aktiviti ko kurikulum	Pada bahagian penambahan markah aktiviti, pengguna boleh mengisi markah aktiviti dan pengiraan markah CPA/CGPA dipaparkan.	[√] diterima [ ] ditolak
Memaparkan Laporan	Memilih untuk memaparkan laporan ko kurikulum	Laporan ko kurikulum dapat dipaparkan mengikut keperluan.	[√] diterima [ ] ditolak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.1.2 Pengujian kotak putih (*White-Box*)

Pengujian kotak putih bermaksud melakukan penyemakan terperinci terhadap atur cara. Pengujian kotak putih penting kerana ia berfungsi untuk mengesan ralat logik dan sintaks yang tidak dapat dikesan dalam pengujian kotak hitam. Oleh kerana kotak putih tersebut bersifat lutsinar, maka pengujian dilakukan secara terperinci (Dennis et al., 2012). Atur cara diperiksa pada beberapa tempat bagi memastikan fungsinya berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengujian ini dilaksanakan dalam dua keadaan iaitu pengujian laluan asas dan pengujian gelung. Pengujian laluan asas merupakan pengujian kepada laluan logik dalam atur cara iaitu hanya pengguna dengan kata laluan yang sah sahaja dapat mengakses halaman yang telah ditetapkan. Pengujian gelung pula adalah pengujian terhadap semua gelung yang terlibat dalam sistem bagi memastikan semua gelung dapat berfungsi dengan baik. Pengujian kotak putih merangkumi beberapa aspek iaitu:

i. Pengujian terhadap semua laluan logik dan memastikan semua laluan logik diuji sekurang-kurangnya sekali.

ii. Pengujian ke atas semua gelung yang terdapat dalam sistem supaya dapat berfungsi dengan baik.

iii. Pengujian terhadap semua keputusan logik sama ada sah atau tidak.

iv. Pengujian berkaitan kelancaran setiap struktur dalaman yang wujud.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5.2 Pengujian Integrasi

Pengujian integrasi melibatkan pengujian integrasi komponen yang lengkap. Ujian integrasi boleh digunakan sebagai ujian regresi bagi setiap versi komponen baru yang dikeluarkan komponen. Komponen dalam konteks sistem adalah generik dan boleh bermaksud komponen unit dalam projek kecil atau koleksi komponen. Komponen juga disebut subsistem dalam projek yang besar (Booch et al., 2007). Rajah 4.28 merupakan ujian integrasi bagi pengisian maklumat buku dalam Sistem Pemilihn Tokoh Nilam (eSPTN).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.28. Ujian Integrasi

4.5.3 Pengujian Sistem

Pengujian terhadap sistem secara keseluruhan dilakukan bagi memastikan kesemua modul dan submodul dapat diintegrasi dan seterusnya membina satu sistem yang lengkap. Pengujian sistem juga bertujuan memastikan sistem yang dibangunkan memenuhi kehendak pengguna dan dapat beroperasi dengan lancar tanpa sebarang ralat. Pengujian ini juga memastikan subsistem dapat digabungkan untuk mewujudkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sistem keseluruhan. Pengujian sistem ini biasanya dilakukan oleh juru analisa sistem untuk memastikan bahawa semua modul dan program bekerjasama tanpa kesalahan.

Kawalan ralat diuji bagi memastikan mesej ralat akan dipaparkan sekiranya terdapat sebarang ralat berlaku. Pengujian ini bertujuan supaya proses dan perjalanan sistem dapat dilaksanakan dengan baik tanpa sebarang gangguan terhadap modul lain yang berkaitan, tiada data tercicir supaya sistem dapat memberikan *output* yang betul, sistem memenuhi kehendak pengguna dan menepati objektif pembangunan sistem.

4.5.4 Ujian Penerimaan Pengguna

Penerimaan pengguna adalah faktor terpenting bagi memastikan keberkesanan sesebuah sistem yang dibangunkan. Pengujian ini dijalankan pada kefungsian dan antara muka sistem. Tujuan pengujian adalah bagi memastikan setiap keperluan pengguna dipenuhi dan seterusnya memenuhi objektif pembangunan (Dennis et al., 2012). Temu bual dijalankan bagi memperolehi maklumbalas berkaitan eSPTN. Hasil temu bual ini membantu dalam membaiki dan membetulkan segala aspek kelemahan sistem. Sila rujuk Lampiran C untuk melihat soalan temu bual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Spesifikasi Perisian

Pembangunan eSPTN melibatkan beberapa perisian iaitu *Adobe Dreamweaver CS3, PHP* berkesan dengan pelayan web untuk menafsir permintaan yang dibuat daripada www, di mana proses permintaan. *Apache* sebagai pelayan web dan *MySQL* sebagai pangkalan data. Bahasa standard bagi pangkalan data ialah *Structured Query Language* (*SQL*). *SQL* digunakan untuk mereka pangkalan data, menyimpan maklumat dalam pangkalan data dan mencapai maklumat dari pangkalan data. *MySQL* ialah sistem pengurusan pangkalan data hubungan yang akan menyimpan maklumat untuk aplikasi pangkalan data web. Persekitaran *MySQL* adalah bersesuaian dengan *PHP*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam membangunkan sistem ini, beberapa perisian telah dikenalpasti untuk digunakan. Perisian-perisian yang terlibat dan perlu dipasang adalah *Microsoft XP 2003, Microsoft SQL, Micromedia Dreamweaver MX, Microsoft Internet Information Server* (IIS), dan Pelayar Web. Pengkodan halaman-halaman web sistem dibina dalam persekitaran *Micromedia Dreamweaver MX*. Modul-modul yang terlibat dibangunkan secara berperingkat, selari dengan pembangunan serta penyelenggaraan pangkalan data.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.7 Ringkasan

Kesimpulannya bab ini menerangkan analisis sistem yang diperoleh. Bermula dengan organisasi pengurusan kurikulum, objektif dan proses kerja yang dilaksanakan dalam memenuhi tuntutan pengurusan di sekolah tersebut. Di samping itu, reka bentuk sistem juga diperincikan dalam bab ini supaya mendapat kefahaman yang lebih jelas. Reka bentuk antara muka diberi gambaran dalam bentuk rajah agar pengguna dapat memahami kandungan dan proses yang berlaku. Aplikasi *eight golden rules for design* oleh Shneiderman diterapkan dalam eSPTN. Seterusnya, pengujian dilakukan secara terperinci untuk mengelak daripada ralat berlaku. Akhir sekali, sistem prototaip terhasil dan proses penilaian akan dijalankan. Penilaian dibincangkan pada bab seterusnya iaitu bab 5.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

IMPLEMENTASI DAN DAPATAN KAJIAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil daripada penilaian penerimaan pengguna. Dalam penilaian ini pengguna diberi peluang menggunakan sistem bagi mengesahkan kemampuan dan objektif eSPTN tercapai. Dapatan ini bertujuan menjawab tiga persoalan utama kajian iaitu:

S1 Adakah Sistem Pemilihan Tokoh Nilam memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kegunaan?

S2 Adakah cadangan Sistem Pemilihan Tokoh Nilam memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kemudahgunaan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2 Dapatan Penilaian Tanggapan Kegunaan (*Perceived Usefulness*)

Jadual 5.1 menunjukkan rumusan penilaian penerimaan pengguna bagi pembolehubah tanggapan kegunaan berdasarkan soalan temu bual. *PU* melihat sama ada eSPTN memberi kesan kepada individu dari segi prestasi, produktiviti, kecekapan dan kebergunaan terhadap sistem tersebut. Berdasarkan hasil temu bual, kesemua responden yang terdiri daripada responden 1 (R1), responden 2 (R2), responden 3 (3) dan responden 4 (R4) bersetuju bahawa sistem ini meningkatkan prestasi kerja, produktiviti, kecekapan dan berguna dalam kerja yang dilakukan. Prestasi kerja merujuk kepada peningkatan pencapaian daripada sistem sedia ada kepada sistem baharu. Produktiviti ialah pengguna mengoptimumkan penggunaan eSPTN dalam mencapai matlamat kerja. Penggunaan yang optimum dapat membantu penyelidik mengenalpasti permasalahan dari semasa ke semasa. Kecekapan dalam konteks eSPTN ialah penyediaan sumber yang ada dapat memberi kemudahan kepada pengguna eSPTN. Salah seorang responden menyatakan eSPTN cekap dari segi masa dan mesra pengguna. Dapatan selari dengan dapatan Anandarajan, M., Igbaria, M. & Anakwe, U. (2002), mendapati iaitu kegunaan berkait rapat dengan masa yang digunakan semasa melayari internet. Responden juga berpendapat kemahiran *ICT* dapat diaplikasikan dan ditingkatkan dalam urusan kerja. Secara keseluruhannya, eSPTN ini sangat berguna. Bertepatan dengan pendapat responden 1 menyatakan bahawa:

"*Sistem ini sangat berguna kerana dapat membantu guru atau pihak sekolah bagi mengenalpasti calon-calon bagi tokoh nilam sekolah dengan mudah dan bersistematik*"

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5.1

Rumusan Penilaian Tanggapan Kegunaan

Tanggapan Kegunaan (PU)	**R1**	**R2**	**R3**	**R4**	**R5**
1. Tugasan yang disediakan dalam eSPTN ini dapat meningkatkan kecekapan saya	√	√	√	√	
2. Saya mendapati sistem ini berguna dalam kerja saya.	√	√	√	√	
3. Orang yang berpengaruh dalam kerjaya saya fikir saya patut menggunakan sistem ini.	√	√	√	√	
4. Dalam pekerjaan saya, sistem ini adalah penting.	√	√	X	√	
5. Saya tidak mempunyai masalah untuk memberitahu orang lain tentang keputusan penggunaan sistem ini.	√	√	√	√	√

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.1 Norma Subjektif (*Subjective Norm*)

Norma Subjektif merujuk kepada pengaruh individu tertentu terhadap tingkahlaku responden dalam menggunakan eSPTN. Berdasarkan hasil temu bual, responden 1, responden 2, responden 3 dan responden 4 bersetuju bahawa tingkahlaku mereka dipengaruhi oleh orang yang penting dalam hidup mereka. Individu tertentu dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks kajian ini ialah rakan sekerja dan pihak pentadbiran sekolah. Keluarga dan rakan sekerja merupakan pengaruh dalaman yang berpotensi mengubah pemikiran individu. Walaupun tiada asas untuk menjangkakan bagaimana setiap kumpulan memberi kesan dalam penerimaan eSPTN tetapi pengaruh kumpulan ini secara keseluruhan dijangka mempengaruhi penerimaan individu secara signifikan. Dapatan ini menyokong Cherian dan Jacob (2013), yang mana beliau mencadangkan pihak pengurusan perlu menyediakan persekitaran yang kondusif agar pekerja dapat membina kebolehan kendiri hasil dari rakan sekerja yang positif. Dapatan ini juga bertepatan dengan Seneler, Basoglu dan Daim (2010), yang mengatakan bahawa keyakinan boleh meningkat melalui latihan, sokongan pihak pengurusan, pengaruh dalaman atau luaran. Responden 1 dan 2 bersetuju bahawa eSPTN mampu memberi nilai tambah sama ada untuk diri atau pun pihak sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.2 Kesukarelaan (*Voluntariness*)

Kesukarelaan berdasarkan kemahuan pengguna menggunakan eSPTN. Kesemua responden iaitu responden 1, 2, 3 dan 4 menggunakan sistem ini secara sukarela. Responden 4 menyatakan "*Kerana saya tidak perlu masukkan maklumat semua murid*". Responden lain berpendapat sistem ini memudahkan kerja. Walau bagaimanapun responden 1, 3 dan 4 menyatakan bahawa sistem ini adalah tidak wajib bagi mereka. "*Sistem ini tidak wajib kerana objektif kerja saya dapat dicapai tanpa menggunakan sistem namun masa yang diambil mungkin lebih lama dan kerja yang agak rumit kerana dilakukan secara manual*". Responden 2 menjawab sistem ini wajib kerana sangat membantu GPM mencari potensi murid untuk tokoh nilam. Salah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu masalah dalam mempelajari hubungan antara kemudahgunaan, kegunaan, dan penggunaan teknologi maklumat adalah dalam mengenalpasti pengguna benar-benar berasa sukarela untuk menggunakan sistem atau pun tidak. (Adams, Nelson & Todd, 1992).

5.2.4 Pengalaman (*Experience*)

Bagi konstruk pengalaman, penyelidik memperuntukkan masa 1 jam 30 minit bagi kesemua responden iaitu 1 jam untuk penerangan dan 30 minit untuk meneroka sistem. Berdasarkan kajian Hoffman dan Novak (2009), pengalaman, kemahiran dan tanggapan pengguna mengenai kepentingan sistem meningkat dengan penggunaan yang kerap. Afari-Kumah dan Kyere Achampong (2010) turut bersetuju pengalaman mempengaruhi kemudahgunaan iaitu semakin kerap penggunaan semakin mudah digunakan.

5.2.5 Perkaitan Kerja (*Job Relevance*)

Perkaitan kerja menunjukkan eSPTN selari dengan objektif pencarian tokoh nilam di sekolah. Hasil temu bual menyokong objektif sistem iaitu kesemua responden bersetuju sistem ini sangat relevan. Responden 3 menyokong bahawa "*eSPTN sangat membantu menguruskan pengurusan nilam*" dan beranggapan"*Nilam hanya sokongan akademik terhadap pembelajaran murid*". Secara keseluruhan sistem ini relevan untuk tugasan yang berkaitan. Ini dikuatkan lagi dengan penyataan responden 4 iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"*Kerana sistem ini memberi alternatif baru kepada penyelesaian tugasan yang berkaitan kerja saya*".

5.2.6 Kualiti Pengeluaran (*Output Quality*)

Kualiti Pengeluaran ialah merujuk kepada eSPTN sama ada dapat menjalankan tugas setanding dengan kaedah pemilihan tokoh nilam secara manual. Daripada hasil temu bual, kesemua responden iaitu responden 1, 2, 3 dan 4 memberi penarafan cemerlang untuk eSPTN ini kerana hasil daripada sistem ini berkualiti tinggi iaitu mencapai piawaian yang ditetapkan oleh pihak PKG. Ini disokong oleh salah seorang responden dari penyataan "*Kerana sistem yang bersistematik akan menghasilkan keputusan yang terbaik*". Daripada hasil temu bual menunjukkan semakin berkualiti hasil kerja semakin tinggi perkaitan kerja terhadap tanggapan kegunaan (*PU*).

5.2.7 Hasil Keputusan (*Result Demonstrability*)

Hasil temu bual menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa keputusan yang dihasilkan daripada penggunaan eSPTN ini adalah jelas, mudah dan menarik. Mereka tidak mempunyai sebarang masalah untuk memberitahu orang lain tentang keputusan penggunaan sistem. Walau bagaimanapun, responden 5 didapati sukar untuk menjelaskan kesan daripada menggunakan eSPTN. Begitu juga responden 2 dan responden 4 sukar untuk menjelaskan sama ada dengan menggunakan eSPTN ia dapat memberi manfaat ataupun tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.2.8 Rumusan Dapatan Tanggapan Kegunaan

Secara keseluruhannya dapatan tanggapan kegunaan menjawab persoalan pertama kajian iaitu Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN) memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kegunaan. Aspek kegunaan mengandungi tiga konstruk iaitu perkaitan kerja, kualiti pengeluaran dan hasil keputusan. Responden 5 dinilai hanya melalui satu daripada tiga konstruk iaitu hasil keputusan. Ini kerana, guru sahaja yang terlibat dalam proses pemilihan tokoh nilam. Berdasarkan teori *TAM 3*, norma subjektif dan kesukarelaan adalah pengantara terhadap *PU* dan *BI*. Hasil penilaian responden 1, 2, 3 dan 4 menunjukkan responden dipengaruhi oleh orang kepentingan dalam menggunakan eSPTN. Pengaruh ini boleh dikurangkan dengan pengalaman iaitu semakin lama pengguna menggunakan eSPTN semakin kurang pengaruh orang kepentingan terhadap diri sendiri (Ramayah & Lo, 2007).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3 Dapatan Penilaian Tanggapan Kemudahgunaan (*PEOU*)

Tanggapan Kemudahgunaan melihat sama ada eSPTN memudahkan individu dalam menggunakan sistem tersebut. Kebanyakan responden mendapati sistem ini amat mudah digunakan kerana arahan dalam eSPTN jelas dan mudah difahami. Selain itu, ia tidak memerlukan responden lebih berfikir dan dapat melakukan apa yang dikehendaki. Secara keseluruhan, eSPTN dianggap mudah digunakan jika diberikan kursus dan penerangan dengan lebih lanjut kepada pengguna. Bahagian 5.3.1 hingga 5.3.5 adalah dapatan khusus bagi setiap konstruk yang terdapat dalam tanggapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemudahgunaan. Jadual 5.2 menunjukkan rumusan penilaian penerimaan pengguna bagi pembolehubah tanggapan kemudahgunaan berdasarkan soalan temu bual.

Jadual 5.2

Rumusan Penilaian Tanggapan Kemudahgunaan

Tanggapan Kemudahgunaan (PEOU)	**R1**	**R2**	**R3**	**R4**	**R5**
1. Arahan sistem ini jelas dan mudah difahami.	√	√	√	√	√
2. Saya mendapati sistem ini dapat melakukan apa yang saya kehendaki	√	√	√	√	√
3. Saya boleh mengendalikan sistem tanpa bantuan orang lain.	√	√	√	√	X
4. Saya berasa yakin memahami bahan yang disediakan oleh sistem.	√	√	√	√	√
5. Saya mempunyai sumber yang diperlukan untuk menggunakan sistem ini.	√	√	√	√	√
6. Komputer membuat saya berasa selesa.	√	√	√	√	√
7. Saya dapati mengggunakan eSPTN menyeronokkan.	√	√	√	√	√
8. Proses sebenar menggunakan sistem ini adalah menyenangkan.	√	√	√	√	√

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Keupayaan Kendiri Terhadap Komputer (*Computer Self-Efficacy*)

Keupayaan kendiri terhadap komputer merujuk kepada keupayaan individu terhadap kebolehan sendiri untuk mengawal eSPTN dalam mencapai prestasi yang ditetapkan (Cherian dan Jacob, 2013). Ini dapat dibuktikan menerusi kesemua responden yang boleh mengendalikan sistem tanpa menggunakan usaha yang banyak. Namun begitu, responden 5 mengalami kesukaran dalam mengendalikan sistem tanpa bantuan kerana faktor 'tidak biasa' menggunakan komputer. Secara keseluruhan, responden berasa yakin memahami bahan yang disediakan oleh sistem. Ini selari dengan kenyataan Davis et al. (1989), iaitu keupayaan kendiri terhadap komputer bergantung kepada mudahnya pengguna berinteraksi dengan sistem.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Persepsi Terhadap Kawalan Luar (P*erceptions of External Control)*

Persepsi terhadap kawalan luar adalah berhubung dengan keupayaan pengguna menggunakan sumber yang disediakan oleh sistem dalam mengendali eSPTN. Berdasarkan Guntupalli (2008), sumber yang disediakan perlu memenuhi keperluan pengguna apabila diperlukan. Di antara sumber yang disediakan dalam eSPTN ini ialah aliran proses turutan tugasan dan manual pengguna. Semua responden bersetuju mereka dapat mengawal keseluruhan eSPTN serta dapat memahami sumber yang ada dalam eSPTN. Walau bagaimanapun, responden 5 memerlukan bantuan dalam mengendalikan eSPTN. Responden 2, 3 dan 4 berpendapat sistem ini tidak serasi dengan sistem lain yang digunakan. Responden 5 tidak dapat membuat perbandingan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan sistem lain kerana "*tidak pernah guna sistem lain*". Sebaliknya bagi responden 1 , beliau berpendapat bahawa "*sistem ini boleh disesuaikan dengan sistem lain*".

5.3.3 Kebimbangan Terhadap Komputer (*Computer Anxiety*)

Hasil kajian menunjukkan tahap kerisauan atau ketakutan pengguna rendah apabila berinteraksi dengan komputer. Komputer membuatkan mereka berasa selesa dan yakin apabila menggunakan eSPTN. Kerisauan atau ketakutan terhadap komputer berlaku kerana persepsi pertama individu terhadap sistem baru dan pengetahuan komputer yang kurang. Kerisauan akan berkurang apabila penerangan diberikan seperti pernyataan responden 4 iaitu "*saya akan segera bertanya masalah yang dihadapi*". Responden 2 pula memberi maklumbalas "*aplikasi yang sedia ada membantu saya menyiapkan kerja*" dan responden 3 menyatakan "*ada panduan dan manual yang disediakan*". Responden 4 berpendapat arahan dalam eSPTN sangat mudah dan pelajar mampu mengisi maklumat buku dengan lancar. Penggunaan komputer yang kerap mampu mengurangkan rasa gementar menggunakan sistem baru seperti responden 1 iaitu "*saya menggunakan komputer dalam pekerjaan saya*" dan "*saya minat dan suka bekerja dengan komputer*". Jadual 5.2 menunjukkan rumusan bagi konstruk kebimbangan terhadap komputer (*CA*) adalah rendah bermaksud responden tidak risau menggunakan komputer.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Kebolehmainan Terhadap Komputer (*Computer Playfulness*)

Kebolehmainan terhadap komputer mewakili motivasi individu terhadap eSPTN. Kajian ini hanya menemubual soalan umum iaitu ciri-ciri responden apabila menggunakan komputer antaranya ialah spontan, kreatif, suka bermain dan tidak biasa. Responden 2 dan 3 memilih ciri spontan apabila menggunakan komputer. responden 1 dan 4 memilih suka bermain manakala responden 5 memilih tidak biasa apabila menggunakan komputer.

5.3.5 Tanggapan Keseronokan (*Perceived Enjoyment*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tanggapan keseronokan bermaksud anggapan individu apabila menggunakan eSPTN iaitu sama ada mereka seronok atau pun tidak. Kesemua responden iaitu 5 orang menyatakan mereka seronok menggunakan eSPTN. Mereka meyatakan proses mengisi maklumat dalam sistem ini menyenangkan.

5.3.6 Rumusan Dapatan Tanggapan Kemudahgunaan

Secara keseluruhannya dapatan tanggapan kemudahgunaan menjawab persoalan kedua kajian iaitu Sistem Pemilihan Tokoh Nilam (eSPTN) memenuhi keperluan pengguna bagi aspek kemudahgunaan. Aspek kemudahgunaan mengandungi lima konstruk iaitu keupayaan kendiri terhadap komputer, persepsi terhadap kawalan luar, kebimbangan terhadap komputer, kebolehmainan terhadap komputer dan tanggapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keseronokan. Hasil temu bual menunjukkan eSPTN dapat memendekkan masa pencarian pelajar dan memudahkan tugas guru.

5.4 Niat Tingkahlaku (*Behavioral Intention*)

Niat Tingkahlaku ialah keinginan seseorang untuk menggunakan eSPTN. Responden 1 dan responden 2 berniat menggunakan eSPTN secepat mungkin dan turut menggalakkan orang lain menggunakan sistem. Dapatan menunjukkan, kelima-lima orang responden bercadang untuk kerap menggunakan eSPTN kerana mereka mempunyai akses ke dalam sistem ini. Sekiranya seseorang individu mempunyai persepsi-persepsi yang positif berkaitan sesuatu sistem, maka individu tersebut akan membentuk sikap yang positif serta menunjukkan tingkah laku untuk menggunakan sistem tersebut. Sebaliknya pula berlaku, apabila individu mempunyai persepsi-persepsi yang negatif tentang mudah guna dan berguna sesuatu sistem, berkemungkinan individu tersebut akan membentuk sikap yang negatif serta enggan menggunakan sistem yang diperkenalkan.

5.5 Niat Untuk Guna (*Use Behavior*)

Niat untuk guna bermaksud keinginan individu menggunakan komputer secara umum. Daripada kajian, purata responden 1 dan 2 menggunakan komputer lebih daripada 3 jam dalam sehari. Purata responden 3 dan 4 menggunakan komputer adalah 1 hingga 3 jam sehari. Responden 5 hanya mengambil masa 30 minit hingga 1 jam dalam sehari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.6 Rumusan Dapatan Keinginan Menggunakan eSPTN

Secara keseluruhannya dapatan niat tingkahlaku (*BI*) menjawab persoalan ketiga kajian iaitu kesemua responden berkeinginan menggunakan eSPTN. Lebih 70 peratus responden ingin terus menggunakan eSPTN. Semua responden mencadangkan eSPTN kepada guru-guru yang berkaitan dan pelajar-pelajar. Umumnya, responden menggunakan komputer lebih daripada 30 minit dalam sehari.

5.7 Rangkaian (Network) TAM 3

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Rajah 5.1 menunjukkan rangkaian (network) TAM 3 menggunakan aplikasi *Atlas.ti*. Penyelidik ingin melihat sama ada tanggapan kegunaan dan tanggapan kemudahgunaan mempengaruhi niat tingkahlaku atau pun tidak. Apabila seseorang pengguna berniat untuk menggunakan suatu teknologi, ia akan menghasilkan tindakan untuk menggunakannya. Penyelidik menentukan kod mengkut faktor-faktor yang mempengaruhi tanggapan kegunaan secara langsung iaitu Norma Subjektif, Imej, Perkaitan Kerja, Kualiti Pengeluaran, Keputusan dibentangkan. Kod bagi PEOU pula ialah keupayaan kendiri terhadap komputer, persepsi terhadap kawalan luar, kebimbangan terhadap komputer, kebolehmainan terhadap komputer dan tanggapan keseronokan. Penyelidik memilih jawapan bagi setiap responden dan dikumpulkan mengikut kod-kod yang ditetapkan. Ini dapat dilihat dalam rajah terdapat jawapan-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jawapan dari responden (R1:R2:R3:R4:R5)/(1:2:3:6:7) bersama *quote* dari transkrip responden.


5.8 Ringkasan

Penilaian penerimaan pengguna adalah penting bagi memastikan eSPTN ini diterima atau tidak oleh pengguna. Dalam bab ini, dapatan daripada penilaian terhadap eSPTN dibincangkan secara mendalam bagi setiap konstruk untuk aspek kegunaan dan kemudahgunaan. Akhir sekali, penyelidik menemu bual responden sama ada berkeinginan menggunakan eSPTN untuk masa akan datang atau pun tidak. Hasilnya, semua responden memberi maklum balas positif iaitu ingin menggunakan eSPTN secepat mungkin.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 6

PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dapatan kajian, implikasi dapatan kajian yang dijalankan berkaitan pembangunan eSPTN dan cadangan kajian lanjutan yang boleh dijalankan oleh para penyelidik akan datang. Kajian ini menggunakan metodologi pembangunan aplikasi pantas (*RAD*) dengan pendekatan berorientasi objek yang berasaskan model prototaip. Penilaian penerimaan pengguna dijalankan bagi melihat penerimaan pengguna terhadap sistem baru iaitu eSPTN.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2 Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh dalam Bab 5. Perbincangan akan memfokus kepada dapatan berikut:

1) Pembolehubah model penerimaan pengguna (*TAM 3*) aspek tanggapan kegunaan: norma subjektif (*SN*), kesukarelaan (*V*), pengalaman (*E*), kualiti pengeluaran (*OQ*) dan hasil keputusan (*RD*).
2) Pembolehubah model penerimaan pengguna (*TAM 3*) aspek tanggapan kemudahgunaan: keupayaan kendiri terhadap komputer (*CSE*), persepsi terhadap kawalan luar (*PEC*), kebimbangan terhadap kawalan luar (*CA*), kebolehmainan terhadap komputer (*CA*) dan tanggapan keseronokan (*PE*).
3) Keinginan menggunakan komputer iaitu niat tingkah laku (*BI*)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.1 Pembolehubah Model Penerimaan Pengguna aspek Tanggapan Kegunaan

Penilaian aspek tanggapan kegunaan dijalankan untuk melihat sama ada fungsian eSPTN memenuhi objektif Program Nilam dan kehendak pengguna. Hasil dapatan menunjukkan kesemua responden bersetuju bahawa eSPTN membantu dalam pengurusan Program Nilam. Namun begitu kejayaan suatu program bukan hanya bergantung kepada pengguna eSPTN sahaja tetapi sokongan padu pihak pentadbiran dan semua guru. Ini dapat dilihat norma subjektif (*SN*) dipengaruhi oleh persekitaran iaitu dalam konteks pengguna eSPTN; persekitaran melibatkan pengaruh guru, pentadbir, rakan-rakan sekerja serta budaya atau amalan praktis di sekolah. Perkaitan kerja (*JR*), kualiti pengeluaran (*OQ*) dan keputusan dibentangkan (*RD*) adalah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memenuhi keperluan pengguna. Tanggapan awal guru-guru terhadap eSPTN adalah sistem ini sebagai ancaman dan rintangan.

Namun begitu setelah penyelidik memberi penerangan secara perseorangan kepada pengguna, akhirnya para guru mahu menggunakan eSPTN secara sukarela. Pengalaman menjelajahi sistem mempengaruhi keputusan perkaitan kerja (*JR*), kualiti pengeluaran (*OQ*) dan keputusan dibentangkan (*RD*), yang mana sumber eSPTN berkaitan dengan proses pemilihan tokoh nilam. Ini selari dengan dapatan Chuttur (2009); Afari-Kumah dan Kyere Achampong (2010) iaitu pengalaman turut mempengaruhi penggunaan sistem. Dapatan juga selari dengan penyataan Venkatesh dan Bala (2008) iaitu semakin berkualiti hasil kerja semakin tinggi perkaitan kerja terhadap tanggapan kegunaan (*PU*).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.2.2 Pembolehubah Model Penerimaan Pengguna aspek Tanggapan Kemudahgunaan

Kajian kemudahgunaan dijalankan untuk melihat sama ada reka bentuk fizikal eSPTN membantu pengguna dalam melaksanakan tugasan diberi. Reka bentuk fizikal direka berdasarkan *eight golden rules for design* oleh Shneiderman. Mereka melihat sistem ini dipercayai disebabkan eSPTN mudah digunakan, Apabila pengguna berasa seronok dan terkawal sepanjang menggunakan eSPTN, mereka akan lebih cenderung melihat sistem ini berguna. Dapatan ini selari dengan penyataan Agarwal dan Karahanna (2000) iaitu keseronokan menggunakan sistem dapat meningkatkan tanggapan kegunaan dan tanggapan kemudahgunaan terhadap sistem. Sekaligus

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mempengaruhi persepsi terhadap kawalan luar (*PEC*), tanggapan keseronokan (*PE*) dan objektif kebolehgunaan (*OU*).

Hasil temu bual dapat disimpulkan bahawa semakin tinggi perkaitan kerja (*JR*), kualiti pengeluaran (*OQ*) dan keputusan dibentangkan (*RD*) semakin tinggi tanggapan keseronokan (*PE*). Maka kebimbangan terhadap komputer (*CA*) semakin rendah kerana pengguna melalui pengalaman menggunakan eSPTN. Selain itu, persepsi pengguna terhadap kawalan luar (*PEC*) dan keupayaan kendiri terhadap komputer (*CSE*) juga adalah tinggi.

6.2.3 Pembolehubah Model Penerimaan aspek Keinginan Menggunakan Komputer

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara keseluruhan, *PU, PEOU* dan kesukarelaan memberi kesan langsung kepada pengguna dalam menggunakan eSPTN. Norma subjektif memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap *BI.* Ini kerana, norma subjektif boleh berubah apabila pengguna kerap menggunakan eSPTN atau pun pengguna bertindak untuk tidak menggunakan eSPTN. Dapatan menunjukkan semua responden ingin menggunakan eSPTN disebabkan kegunaan yang relevan dengan tugas semasa dan mudah dikendalikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.3 Kelebihan dan kekurangan eSPTN


Rajah 6.1 menunjukkan kelebihan eSPTN manakala Rajah 6.2 pula menunjukkan kekurangan eSPTN. Kelebihan pembangunan eSPTN ini dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos. Hal yang demikian adalah kerana pengguna sistem tidak perlu membuat senarai semak baru berulang kali dan hanya perlu menyimpan segala data dalam pangkalan data. Selain itu juga, antara muka eSPTN yang menarik dan mudah digunakan oleh pengguna membantu mereka dalam proses pengisian data. Sistem ini mempunyai keselamatan pengguna iaitu hanya pengguna khusus sahaja boleh melayari laman eSPTN ini. Pelajar yang terlibat hanya calon-calon yang berpotensi sahaja. Terdapat tiga laman utama yang berlainanan dan hanya boleh diakses oleh pengguna tertentu sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun begitu sistem ini masih mempunyai kekurangan iaitu sistem ini masih memerlukan pengguna mengisi nama buku dan maklumat pengguna kerana ia tidak dapat menyediakan capaian kepada sistem pangkalan data buku kebangsaan dan sistem maklumat murid atau sistem aplikasi pangkalan data. Kekangan ini disebabkan capaian ke dalam sistem-sistem ini memerlukan kebenaran pihak tertentu. Aplikasi eSPTN sama dengan Sistem Tarantula i-NILAM ialah bahagian perekodan bilangan buku dan markah aktiviti bacaan. Ciri-ciri yang sama ini dikekalkan agar pengguna tidak perlu merujuk kepada sistem sedia ada apabila menggunakan sistem yang baharu. Dengan penambahan beberapa fungsian baharu dalam eSPTN seperti pengisian rekod buku, kurikulum dan ko kurikulum dapat membantu pengguna memperoleh keputusan yang lebih menyeluruh dan menjana laporan keseluruhan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 6.1. Kelebihan eSPTN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 6.2. Kekurangan eSPTN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.4 Kekangan dan Masalah Pelaksanaan Projek

Beberapa kekangan semasa proses menyiapkan penyelidikan ini adalah seperti berikut:

1. Kekangan Sumber:

   Penggunaan Arkib Pangkalan Data iaitu tiada akses ke sumber elektronik Perpustakaan Negara Malaysia, Sistem Maklumat Murid (SMM) dan Aplikasi Pangkalan Data Murid (APDM).

2. Kekangan masa:

   i. Pengalaman menggunakan eSPTN adalah kurang kerana ia memerlukan tempoh masa yang lama iaitu sekurang-kurangnya satu hari dengan empat jam latihan formal. Selepas percubaan pertama, turutan berikutnya ialah sebulan, tiga bulan dan lima bulan.

   ii. Pengujian memerlukan jangka masa yang lama bagi mengelakkan ralat.

3. Kekangan kos:

   i. Memerlukan kos yang tinggi dalam mereka bentuk antara muka yang lebih menarik.

   ii. Penyelenggaraan perlu dilakukan bagi memastikan sistem sentiasa dikemaskini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Implikasi Dapatan Kajian

Implikasi dapatan kajian boleh dilihat berdasarkan beberapa aspek iaitu:

i. Pihak Guru

Reka bentuk antara muka yang ringkas dan fokus kepada maklumat yang hendak digunakan amat membantu penggunaan perisian ini. Maklumat yang lengkap dalam satu sistem seperti rekod bacaan, markah pencapaian akademik, aktiviti-aktiviti pelajar membantu guru dalam membuat keputusan tanpa merujuk pelbagai dokumen.

ii. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia

Kajian pembangunan perisian eSPTN merupakan kajian pemilihan calon pelajar tokoh nilam sebagai wakil sekolah. Secara tidak langsung menyokong hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia menggunakan *ICT* dalam pengurusan pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

6.5 Cadangan Kajian Lanjutan

Secara umumnya fokus kajian ini ialah terhadap pemilihan calon tokoh nilam untuk pelajar sekolah rendah. Penyelidikan akan datang boleh diperluaskan kepada pemilihan tokoh nilam di peringkat sekolah menengah. Selain itu, kekerapan penglibatan pengguna dalam proses kajian meliputi semua aspek perlu dititikberatkan bermula dengan fasa analisis, reka bentuk dan pembangunan, agar dapat mengurangkan kebimbangan pengguna terhadap komputer (*CA*). Penilaian kesukarelaan (*voluntariness*) perlu diuji berasingan iaitu penilaian secara mandotari

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau penilaian sukarela. Penilaian kesukarelaan ini mengambil masa sebulan hingga tiga bulan. Norma Subjektif dilihat tidak mempengaruhi kesukarelaan (*voluntary settings*) manakala ia mempengaruhi paksaan (*mandatory settings*).

6.6 Ringkasan

Kajian ini menunjukkan bahawa eSPTN yang menerapkan ciri-ciri *eight golden rules* memenuhi aspek kegunaan dan kemudahgunaan. Pembolehubah *TAM* telah membantu penyelidik melihat kemampuan eSPTN dalam memberi kesan kepada pengguna. Laporan akhir disediakan bagi memudahkan GPM memantau pergerakan calon tokoh nilam disamping mengasah bakat dari semasa ke semasa. Sistem yang dibangunkan membenarkan pengguna mengisi data dengan masa yang fleksibel dan di mana sahaja dengan capaian internet. Kajian ini boleh dikembangkan lagi dengan mengambilkira cadangan-cadangan yang telah dikemukakan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

Abdul Manaf, B., Nur Haryani, Z., & Norliza, K. (2006). *Asas dan Teori Sistem Maklumat Kontemporari*. Malaysia: Pearson Prentice Hall.

Adams, D., Nelson, R., & Todd, P. (1992). Perceived usefulness, ease of use, and usage of information technology: a replication. *MIS Quarterly*.

Afari-Kumah, E., & Kyere Achampong, A. (2010). Modeling computer usage intentions of tertiary students in a developing country through the Technology Acceptance Model. *International Journal of Education and Development*, *6*(1), 102–116.

Agarwal, B. B., Tayal, S. P., & Gupta, M. (2010). *Software Engineering & Testing*. *Laxmi Publications Pvt. Ltd.* Boston: Jones and Bartlett Publishers, LLC.

Agarwal, R., & Karahanna, E. (2000). Time flies when you're having fun: cognitive absorption and beliefs about information technology usage 1. *MIS Quarterly*.

Ahmad Fuad Othman (2003). *Pendidikan dan pendidikan di era digital : Pendekatan dan cabarannya*. Wawasan : Pusat Sumber Pendidikan Negeri Kedah . Bil .17Jun 2003 Bil.1

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ajzen, I. (1985). *From intentions to actions: A theory of planned behavior*.

Ajzen, I. (2006). Constructing a TpB Questionnaire: *Conceptual and Methodological Considerations*.

Anandarajan, M., Igbaria, M. & Anakwe, U. (2002) . IT Acceptance in a Less-Developed Country: A Motivational Factor Perspective. *International Journal of Information Management 22(1),* 47-65.

Azizi, Y., Shahrin, H., Jamaludin, R., Yusof, B., & Abdul Rahim, H. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

Blum, R., Khakzar, K., & Winzerling, W. (2008). Mobile Design Guidelines in the Context of Retail Sales Support. *New Developments*.

Booch, G., A. Maksimchuk, R., W. Engle, M., J. Young, B., Conallen, J., & A. Houston, K. (2007). *Object-Oriented Analysis and Design with Applications* (Third Edit). Boston: Addison-Wesley.

Butz, A., & Schmidt, A. (2004). Limitations for the Design of Interactive Systems. *Medien.ifi.lmu.de*.

Chan, S. L. (2000). Information technology in business processes. *Business Process Management Journal*.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Cherian, J., & Jacob, J. (2013). Impact of Self Efficacy on Motivation and Performance of Employees. *International Journal of Business and Management*, *8*(14), 80–88.

Chuttur, M. (2009). *Overview of the technology acceptance model: Origins, developments and future directions*.

Clemmensen, T. (2006). Whatever happened to the psychology of human-computer interaction?: A biography of the life of a psychological framework within a HCI journal. *Information Technology & People*, *19*(2), 121–151.

